

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

1. Low-Altitude Economy.
 - (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif untuk mempelopori ekonomi altitud rendah, khususnya dalam usaha membangunkan teknologi dan ekosistem Urban Air Mobility (UAM)?
 - (b) Terangkan undang-undang dan regulation sedia ada yang mengawal selia pembangunan infrastruktur dron.
 - (c) Sejauh manakah teknologi dron digunakan untuk kegunaan awam serta pemantauan pencemaran?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Buat masa ini pihak Kerajaan Negeri tidak mempelopori Ekonomi Altitud Rendah (Low-Altitude Economy) khususnya dalam usaha membangunkan teknologi dan ekosistem Urban Air Mobility (UAM). Berdasarkan semakan dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), pihaknya mempunyai kerjasama dengan syarikat Futurise Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang telah dilantik sebagai Sekretariat Jawatankuasa Pemandu Advanced Air Mobility (AAM). Sekretariat ini telah menubuhkan sebuah Kumpulan Kerja Teknikal AAM (AAM-TWG) bertujuan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif strategik berkaitan AAM.

(b) Semua aktiviti penerbangan sistem kapal udara tanpa pemandu/*Unmanned Aircraft System* (UAS) atau lebih dikenali sebagai dron adalah tertakluk kepada Undang-undang dan *regulation* sedia ada dimaklumkan oleh CAAM adalah seperti berikut:

- (i) Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016/*Civil Aviation Regulations 2016* (MCAR 2016), Peraturan 140 sehingga Peraturan 144; dan
- (ii) *Civil Aviation Directive (CAD) 6011: Unmanned Aircraft System (UAS)*.

Walau bagaimanapun, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri dan perlu dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan.

(c) Antara permohonan penggunaan ruang udara bagi pengoperasian UAS/dron untuk tujuan kegunaan awam yang pernah diterima dan diluluskan pihak CAAM khususnya di Pulau Pinang, adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan/*search and rescue* (SAR) di kawasan-kawasan terjejas banjir;
- (ii) Pemetaan udara untuk Projek Rapid Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang – Lalan Mutiara;
- (iii) Pemeriksaan tiang elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB);
- (iv) Pemantauan panel suria (*solar panels*) di atas bumbung bangunan/kilang bagi tujuan penyelenggaraan; dan
- (v) Aktiviti pertunjukan “*swarm drone*”.

Manakala dalam konteks Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP) yang menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974), dron digunakan dalam pemantauan kes - kes aduan pencemaran yang dilaporkan kepada JAS terutamanya kes aduan pembakaran terbuka. Dron juga digunakan dalam pemantauan projek – projek yang melibatkan kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) di Pulau Pinang. Selain

itu, JASPP juga menggunakan dron dalam kerja – kerja pengawasan air marin dan program – program kesedaran alam sekitar.

Di antara siasatan kes – kes pencemaran / bencana yang dibantu dengan teknologi dron adalah:

- (i) Penggunaan imej thermal dari dron dalam menganalisa tahap kebakaran dan status kebakaran kilang Loytape Industries Sdn Bhd pada 17 Januari 2025. Imej thermal digunakan untuk memastikan kebakaran telah padam sepenuhnya bagi membandingkan keadaan di tempat kebakaran dan status kualiti udara di sekitar kawasan kebakaran;
- (ii) Siasatan kes tumpahan minyak pada 22 Januari 2025 dari kapal pengangkut pasir (Projek tambakan laut - Bayan Mutiara) bagi melihat kesan – kesan tumpahan minyak dan kawasan yang terjejas akibat tumpahan tersebut;
- (iii) Siasatan kes kelodakan tinggi di kuala Sungai Perai pada 17 Mei 2024 (aduan dari Exco Perumahan dan Alam Sekitar);
- (iv) Pemantauan kerja – kerja penambakan laut di projek Seri Tanjung Pinang Fasa 2 dan Penang South Reclamation;
- (v) Penyiasatan kes tumpahan *leachate* dari *leachate pond* tapak pelupusan sampah Pulau Burung;
- (vi) Penggunaan imej thermal dalam menganalisa status kebakaran tapak pelupusan sampah Pulau Burung pada tahun 2022 (kerjasama dengan USM dan BOMBA). Melalui analisa imej thermal ini, pihak BOMBA dapat menumpukan kerja – kerja pemadaman api secara spesifik kepada kepada kawasan – kawasan yang kritikal. Kerjasama ini dapat memendekkan tempoh pemadaman kebakaran tersebut ketika itu;
- (vii) Siasatan kes pelupusan haram buangan terjadual di Permatang Pauh pada tahun 2022. Teknologi dron digunakan untuk melihat keluasan kawasan pelupusan

haram dan status kerja – kerja pembersihan kawasan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

2. *Congestion pricing* (Caj kesesakan).

- (a) Adakah Kerajaan Negeri mengkaji kebolehlaksanaan dasar ini di George Town sebagai pengurusan kesesakan lalu lintas jangka masa panjang?
- (b) Apakah pelajaran yang boleh diambil daripada pelaksanaan sistem ini di London dan New York?
- (c) Terangkan keberkesanan langkah-langkah awal yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani kesesakan lalu lintas.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Caj kesesakan jalan raya *congestion pricing* ialah bayaran yang dikenakan kepada kenderaan yang memasuki kawasan tertentu kebiasaannya adalah di kawasan pusat bandar dalam usaha mengurangkan kesesakan trafik, pencemaran udara, dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Selaras dengan aspirasi *Low Carbon Mobility Blueprint* (LCMB) 2021 – 2030 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan dasar pembangunan bandar yang mampan, caj kesesakan (*congestion charging*) telah di kenalpasti sebagai salah satu langkah strategik bagi mengurus trafik dalam bandar, mengurangkan pelepasan karbon, serta menggalakkan peralihan kepada mod pengangkutan awam.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kerjasama dengan pihak MIROS dan MGTC di bawah pelan LCMB telah mengadakan satu sesi *Focus Group Discussion* (FGD) pada bulan Julai 2024. Sesi

ini antara lain telah mengenal pasti beberapa isu dan kebimbangan utama berkaitan pengurusan trafik di Negeri Pulau Pinang, di samping merumuskan cadangan awal yang boleh dijadikan asas kepada perancangan dasar yang lebih responsif dan berpaksikan kepada keperluan tempatan.

Susulan daripada itu juga, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini dalam proses untuk melantik perunding bagi mengkaji isu dan cadangan mitigasi bagi masalah kesesakan lalu lintas di bahagian pulau, Pulau Pinang. Kebolehlaksanaan caj kesesakan (congestion pricing) akan turut diteliti bersama dalam kajian ini.

- (b) Di peringkat antarabangsa, pelaksanaan caj kesesakan telah terbukti berjaya di bandar-bandar seperti London, Stockholm, Gothenburg, Milan dan Singapura. Pelaksanaan ini telah menyumbang kepada pengurangan jumlah kenderaan di pusat bandar, peningkatan kualiti udara, serta penggunaan hasil kutipan bagi meningkatkan lagi sistem pengangkutan awam melalui pembinaan laluan baru, kekerapan perkhidmatan, dan pemberian subsidi tambang. Di negara-negara maju, pelaksanaan caj kesesakan hanya dilakukan setelah sistem pengangkutan awam dibangunkan dengan baik dan mampan. Ini turut disokong oleh jaringan penyambungan *First and Last Mile* yang menghubungkan stesen pengangkutan awam dengan kawasan perumahan dan pusat aktiviti utama, serta integrasi dengan Pembangunan Guna Tanah Mampan yang berteraskan konsep *Transit Oriented Development* (TOD).

Pelajaran yang boleh diambil daripada pelaksanaan sistem ini di luar negara adalah seperti berikut:

- (i) Keberkesanan caj kesesakan bergantung kepada adanya perkhidmatan pengangkutan awam yang selesa dan mudah diakses;
- (ii) Penyampaian maklumat yang jelas membantu meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan dasar;
- (iii) Caj kesesakan berpotensi membantu mengurangkan jumlah kenderaan dan melancarkan aliran trafik di kawasan tertentu; dan

- (iv) Penggunaan teknologi seperti sistem automatik dan pembayaran digital dapat menyokong pelaksanaan yang lebih cekap dan teratur.
- (c) Pelbagai langkah awal telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani kesesakan lalu lintas. Keberkesanan langkah-langkah awal tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan 'green wave';
 - (ii) Pelaksanaan sistem jalan sehalu di kawasan tumpuan dan sekolah bagi melancarkan aliran kenderaan;
 - (iii) Pelebaran jalan dan pengubahsuaian bahu jalan untuk dijadikan tempat letak kereta;
 - (iv) Penstrukturan semula aliran persimpangan bagi mengurangkan konflik trafik;
 - (v) Pelaksanaan *Penang Smart Parking*;
 - (vi) Penempatan Warden Lalu Lintas di kawasan kritikal; dan
 - (vii) Lebuhraya bertingkat Juru–Sungai Dua (dalam fasa reka bentuk)

Langkah-langkah berkaitan pengurusan lalu lintas ini telah menambah baik aliran trafik agar lebih efisien dan dapat mengurangkan kesesakan terutama pada waktu puncak.

Selain itu, pihak Kerajaan Negeri turut melaksanakan Langkah-langkah awalan dengan memperkukuhkan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang seperti berikut:

- (i) Bekerjasama dengan *Rapid Penang* untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Bilangan bas akan ditambah secara berperingkat mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang dapat meliputi laluan-laluan sosial;

- (ii) Memperluaskan perkhidmatan pengangkutan awam dengan memperkenalkan perkhidmatan *Rapid On-Demand* (ROD). Perkhidmatan ROD ini adalah sebagai kesalinghubungan (*connectivity*) yang amat penting bagi membolehkan orang awam atau pengguna bas menyambung perjalanan mereka dengan rangkaian bas Rapid;
- (iii) Melaksanakan Perkhidmatan Bas *Central Area Transit* (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang efisien dan mengalakkan penggunaan pengangkutan awam;
- (iv) Mengalakkan penggunaan basikal melalui penyediaan laluan basikal baru dan menaik taraf laluan basikal sedia ada serta pembinaan jambatan dan jejantas basikal seperti yang telah disediakan di kawasan persisiran pantai timur pulau dari George Town ke Bayan Lepas;
- (v) Meneruskan dua (2) laluan perkhidmatan Bas Percuma CAT *Bridge*. Perkhidmatan bas ini melalui Jambatan Pulau Pinang yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran dengan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian di samping membantu penduduk yang berulang-alik antara tanah besar dan pulau dengan menyediakan pengangkutan percuma; dan
- (vi) Projek LRT Pulau Pinang yang kini dalam peringkat pembinaan fasa pertama. Projek LRT Laluan Mutiara merupakan projek pengangkutan berasaskan rel yang pertama di Pulau Pinang. Projek ini dijangka akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dengan mengubah landskap kebergantungan kepada kenderaan persendirian apabila siap kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

3. Misi pelaburan ke Jepun diketuai oleh Ketua Menteri.
- (a) Senaraikan hasil yang telah dicapai mengikut jumlah pelaburan baharu yang berjaya dipersetujui atau peringkat rundingan serta sektor.
 - (b) Senaraikan negara pelabur asing utama mengikut jumlah pelaburan di Pulau Pinang.
 - (c) Terangkan strategi dan usaha kerajaan untuk diversifikasi sumber pelaburan asing.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. (a) Pada bulan Februari 2025, Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Chow Kon Yeow telah mengetuai satu misi penggalakkan pelaburan ke Jepun bersama InvestPenang. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk mempelbagaikan pelaburan asing dan memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan utama di Asia Tenggara. Lawatan rasmi ini merangkumi tiga (3) buah bandar utama di Jepun iaitu Tokyo, Kyoto dan Kumamoto.

Lawatan ini telah berjaya memperbaharui hubungan dengan ibu pejabat syarikat-syarikat Jepun yang telah melabur di Pulau Pinang, serta menggalakkan mereka memperluas operasi di negeri ini. Selain itu, delegasi turut berusaha menarik pelaburan baharu terutamanya dalam sektor strategik seperti elektrik dan elektronik (E&E), semikonduktor serta peralatan dan peranti

perubatan. Sepanjang lawatan ini, delegasi Pulau Pinang telah mengadakan pertemuan dengan 15 syarikat-syarikat Jepun terkemuka termasuk *Toray, Advantest, Pentax Medical, Renesas, Kobelco, Panac, Japan Lifeline, Canon Electronics, EQX Iwata, Towa, Kyocera AVX, muRata, Meistier, Hirata* dan *Preceed*. Dalam usaha menarik pelaburan baharu dan memperkukuh kerjasama sedia ada, *InvestPenang* sentiasa berhubung rapat dengan syarikat-syarikat tersebut bagi memudahcara projek pelaburan mereka di Pulau Pinang.

Selain itu, delegasi Pulau Pinang juga telah menyertai *Kumamoto Industrial Revitalization Expo 2025* yang diadakan pada 20 Februari 2025 sehingga 21 Februari 2025 di Grand Messe Kumamoto. Ekspo ini penting dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai *Silicon Valley of the East* kerana *Kumamoto* merupakan salah satu hab industri semikonduktor utama di Jepun dan kini dikenali sebagai *Silicon Island of Japan*. Expo ini berjaya memasarkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan strategik di Asia Tenggara.

Pihak *InvestPenang* telah menerima permintaan daripada beberapa syarikat Jepun untuk perbincangan lanjutan mengenai projek pelaburan mereka selepas misi tersebut dan kini sedang berusaha untuk memberi sokongan yang diperlukan kepada mereka.

Proses pelaburan pembuatan biasanya mengambil masa selama beberapa tahun dari permulaan perbincangan sehingga pengesahan keputusan pelaburan, maka jumlah pelaburan baharu yang berjaya ditarik ekoran daripada misi ini masih tidak dapat dikira mengikut jumlah pelaburan dan sektor perindustrian.

- (b) Dari tahun 2020 hingga 2024, lima (5) negara pelabur asing utama mengikut jumlah pelaburan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

| TAHUN | 5 NEGARA UTAMA YANG MELABUR DI PULAU PINANG | NILAI PELABURAN LANGSUNG ASING (RM JUTA) |
|-------|---|--|
| 2020 | 1. Singapura | 3,247.5 |
| | 2. Switzerland | 2,590.5 |
| | 3. Amerika Syarikat | 2,057.7 |
| | 4. Hong Kong | 1,909.2 |
| | 5. Belanda | 248.2 |
| 2021 | 1. Belanda | 71,197.5 |
| | 2. China | 1,279.5 |
| | 3. Singapura | 1,038.0 |
| | 4. Amerika Syarikat | 450.8 |
| | 5. Hong Kong | 149.2 |
| 2022 | 1. Singapura | 3,333.2 |
| | 2. Hong Kong | 2,920.9 |
| | 3. Amerika Syarikat | 1,561.7 |
| | 4. Ireland | 650.0 |
| | 5. Switzerland | 384.6 |
| 2023 | 1. Belanda | 26,595.8 |
| | 2. Pulau Cayman | 15,953.4 |
| | 3. Singapura | 7,050.7 |
| | 4. Amerika Syarikat | 6,663.4 |
| | 5. China | 1,695.8 |
| 2024 | 1. Singapura | 4,032.4 |
| | 2. Amerika Syarikat | 2,926.1 |
| | 3. Taiwan | 2,127.6 |
| | 4. Hong Kong | 1,878.7 |
| | 5. British Virgin Islands | 1,041.4 |

Sumber : MIDA

- (c) Strategi dan usaha kerajaan untuk diversifikasi sumber pelaburan asing Pulau Pinang telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mempelbagaikan sumber pelaburan langsung asing (FDI) bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mengurangkan kebergantungan kepada pelabur tradisional atau sedia ada. Langkah-langkah ini merangkumi perluasan sektor pelaburan, penarikan pelabur dari pelbagai negara dan peningkatan ekosistem industri yang kondusif. Antara strategi utama ialah memberi tumpuan kepada sektor-sektor bernilai tinggi (high-value) seperti semikonduktor, rekabentuk IC, elektrik dan elektronik (E&E), peranti perubatan dan sebagainya. Ini membolehkan negeri ini menarik pelaburan daripada pelbagai sektor industri sekaligus mempelbagaikan aliran FDI.

Kerajaan Negeri melalui InvestPenang juga aktif menjalankan misi pelaburan ke negara-negara asing seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Negara Eropah, China, Amerika Syarikat, Singapura, dan sebagainya saban tahun. Usaha ini bertujuan untuk menarik pelabur baharu serta mengekalkan hubungan baik dengan pelabur sedia ada. Selain itu, InvestPenang juga turut menyertai pelbagai ekspo antarabangsa seperti *SEMICON Southeast Asia*, *Kumamoto Industrial Revitalization Expo*, *World Fujian Convention & Exhibition*, *World Congress on Innovation & Technology* (WCIT) dan sebagainya. Hal ini dapat meningkatkan keterlihatan (visibility) Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan yang berpotensi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

4. Akta Perkhidmatan Parlimen.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk mengembalikan kuasa pentadbiran kepada DUN Pulau Pinang demi prinsip pemisahan kuasa dan kebebasan legislatif?
- (b) Nyatakan bajet yang diperuntukkan kepada Pejabat Speaker dan Pentadbiran DUN mengikut tahun sejak tahun 2018 bagi melaksanakan pembangunan kapasiti dan penggubalan undang-undang secara bebas daripada eksekutif.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. (a) Pindaan Perlembagaan dan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 yang diluluskan pada 5 Mac 2024 di persidangan Dewan Rakyat menjadikan Parlimen selepas ini mempunyai autonomi lebih luas dalam menjalankan fungsinya sebagai badan perundangan utama tanpa pengaruh berlebihan badan eksekutif. Susulan itu, Majlis Perkhidmatan Parlimen (MPP) akan ditubuhkan bagi mengelola urusan pentadbiran dan perkhidmatan.

Di Pulau Pinang, Dewan Undangan Negeri (DUN) berperanan untuk menjalankan fungsi sebuah institusi yang komited kepada pengawasan terhadap kuasa eksekutif pihak Kerajaan dan menjadi saluran untuk menyampaikan pandangan serta aduan daripada masyarakat menerusi wakil-wakil yang dipilih ke DUN. Pada ketika ini DUN Pulau Pinang masih menanti pelaksanaan di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebelum ianya dikaji untuk dilaksanakan di peringkat DUN Pulau Pinang.

- (b) Bajet yang diperuntukan semenjak tahun 2020 kepada Pejabat Yang di-Pertua DUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

AKTA PERKHIDMATAN PARLIMEN

| Tahun | Butiran (OS) | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---------------|-----------------|----------------------------|
| | | Pejabat Yang di-Pertua DUN |
| 2020 | 11000 | 146,500.00 |
| | 12000 | 112,700.00 |
| | 15000 | 33,700.00 |
| | 21000 | 30,000.00 |
| | 23000 | 5,000.00 |
| | 26000 | 3,000.00 |
| | 27000 | 2,000.00 |
| | 29000 | 5,000.00 |
| Jumlah | | 337,900.00 |

| Tahun | Butiran (OS) | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---------------|-----------------|----------------------------|
| | | Pejabat Yang di-Pertua DUN |
| 2021 | 11000 | 146,500.00 |
| | 12000 | 112,700.00 |
| | 15000 | 33,700.00 |
| | 21000 | 29,500.00 |
| | 23000 | 5,000.00 |
| | 26000 | 3,000.00 |
| | 27000 | 2,500.00 |
| | 29000 | 5,000.00 |
| Jumlah | | 337,900.00 |

| Tahun | Butiran (OS) | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---------------|-----------------|----------------------------|
| | | Pejabat Yang di-Pertua DUN |
| 2022 | 11000 | 146,500.00 |
| | 12000 | 112,700.00 |
| | 15000 | 33,700.00 |
| | 21000 | 26,000.00 |
| | 23000 | 5,000.00 |
| | 26000 | 2,000.00 |
| | 27000 | 3,000.00 |
| | 29000 | 9,000.00 |
| Jumlah | | 337,900.00 |

| Tahun | Butiran (OS) | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---------------|-----------------|----------------------------|
| | | Pejabat Yang di-Pertua DUN |
| 2023 | 11000 | 146,500.00 |
| | 12000 | 112,700.00 |
| | 15000 | 33,700.00 |
| | 21000 | 30,000.00 |
| | 23000 | 5,000.00 |
| | 26000 | 10.00 |
| | 27000 | 2,500.00 |
| | 29000 | 5,000.00 |
| Jumlah | | 335,410.00 |

| Tahun | Butiran (OS) | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---------------|--------------|----------------------------|
| | | Pejabat Yang di-Pertua DUN |
| 2024 | 11000 | 131,850.00 |
| | 12000 | 112,700.00 |
| | 15000 | 33,700.00 |
| | 21000 | 54,400.00 |
| | 23000 | 12,000.00 |
| | 26000 | 10.00 |
| | 27000 | 2,550.00 |
| | 29000 | 337,500.00 |
| Jumlah | | 684,710.00 |

| Tahun | Butiran (OS) | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---------------|--------------|----------------------------|
| | | Pejabat Yang di-Pertua DUN |
| 2025 | 11000 | 156,682.00 |
| | 12000 | 105,000.00 |
| | 15000 | 3,000.00 |
| | 21000 | 10,000.00 |
| | 23000 | 7,000.00 |
| | 26000 | 10.00 |
| | 27000 | 3,000.00 |
| | 29000 | 650,000.00 |
| | 52000 | 70,000.00 |
| Jumlah | | 1,004,692.00 |

| Butiran (OS) | Perbelanjaan |
|---------------------|---|
| 11000 | Gaji dan Upahan |
| 12000 | Elaun dan Imbuhan Tetap |
| 15000 | Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain misalnya Bayaran Balik dan Bantuan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan |
| 21000 | Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup |
| 23000 | Perhubungan dan Utiliti |
| 26000 | Bekalan Bahan Mentah |
| 27000 | Bekalan dan Bahan-Bahan Lain |
| 29000 | Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti |
| 52000 | Bayaran-Bayaran Lain |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

5. Kilang haram e-waste.
- (a) Senaraikan operasi penguatkuasaan ke atas kilang e-waste mengikut daerah, lokasi, premis-premis dan hasil penguatkuasaan tersebut.
 - (b) Terangkan mekanisme pemantauan berterusan yang berkesan agar sektor pengurusan sisa buangan berjadual dikawal.
 - (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani pengurusan sisa buangan berjadual dalam jangka masa panjang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP) merupakan agensi utama yang bertanggungjawab dalam menguruskan sisa berjadual, termasuk buangan elektrik dan elektronik (*e-waste*), di seluruh negeri Pulau Pinang. JASPP menjalankan pemantauan, pelesenan, penguatkuasaan dan pendidikan awam berkaitan pengurusan sisa berjadual mengikut peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

Bagi memastikan pengurusan *e-waste* dilakukan secara sah dan terkawal, kilang-kilang pemprosesan *e-waste* perlu mendapatkan lesen sah daripada JASPP dan tertakluk kepada pemeriksaan berkala serta pelaporan dalam *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS).

Berikut adalah senarai kilang memproses *e-waste* yang dilesenkan oleh JASPP mengikut daerah:

| BIL. | DAERAH | BILANGAN PREMIS YANG BERLESEN | AKTIVITI PENGUATKUASAAN |
|-------------|------------------------|--------------------------------------|--|
| 1. | Seberang Perai Utara | 2 | Penguatkuasaan pematuhan premis bagi setiap suku tahunan |
| 2. | Seberang Perai Tengah | 24 | |
| 3. | Seberang Perai Selatan | 3 | |
| 4. | Barat Daya | 2 | |
| 5. | Timur Laut | 0 | |

Secara lazimnya, premis-premis yang didapati melanggar peruntukan di bawah Akta 127 boleh dikenakan pelbagai tindakan penguatkuasaan. Antara bentuk tindakan yang boleh diambil termasuk:

- (i) Pengeluaran notis arahan;
- (ii) Pengeluaran kompaun;
- (iii) Penahanan operasi kelengkapan;
- (iv) Penyitaan barangan, terutamanya barangan yang disyaki sebagai buangan terjadual (*e-waste*); dan
- (v) Tindakan pendakwaan di mahkamah.

Bagi premis yang dikategorikan sebagai kilang memproses *e-waste* dan dilesenkan oleh JASPP, tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan secara berterusan. Sejak tahun 2021, JASPP telah mengeluarkan:

- (i) 15 Notis Arahan;
- (ii) 4 Kompaun; dan
- (iii) 6 Kertas Siasatan telah dibuka.

Langkah-langkah ini menunjukkan keseriusan pihak berkuasa dalam memastikan pematuhan terhadap undang-undang alam sekitar serta melindungi kesejahteraan awam dan ekosistem daripada pencemaran akibat pengurusan *e-waste* yang tidak terkawal.

(b) Dalam memastikan pengurusan buangan berjadual dilaksanakan dengan selamat dan mematuhi perundangan alam sekitar, JASPP telah melaksanakan beberapa pendekatan strategik seperti berikut:

(i) Pelesenan dan Pendaftaran

- 1) Semua premis yang mengendalikan buangan berjadual wajib berdaftar dan memperoleh lesen khas daripada JASPP; dan
- 2) Proses pelesenan ini membolehkan JASPP memantau jumlah, jenis, serta kaedah pengurusan buangan yang dijalankan oleh syarikat terlibat.

(ii) Audit dan Pemeriksaan Berkala

- 1) JASPP menjalankan lawatan audit berkala ke tapak pengurusan sisa bagi memastikan pematuhan kepada syarat-syarat lesen dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 2) Pemeriksaan mengejut turut dijalankan bagi mencegah manipulasi data dan kegiatan pengurusan buangan yang tidak sah.

(iii) Penggunaan Sistem Elektronik (eSWIS)

- 1) Semua pihak yang terlibat dalam penghasilan, pengangkutan dan pengurusan buangan berjadual diwajibkan untuk melaporkan data secara atas talian melalui sistem eSWIS; dan
- 2) Sistem ini membolehkan JASPP menjejak pergerakan dan pengendalian buangan dari sumber asal hingga ke pusat pelupusan akhir secara telus dan efisien.

(iv) Pensampelan dan Ujian Makmal

- 1) Sampel sisa akan diambil dari premis pengurusan sisa dan dihantar ke makmal untuk dianalisis; dan
- 2) Tujuannya adalah untuk mengesahkan kandungan dan tahap bahaya sisa, sekali

gus mengelakkan cubaan melupuskan bahan berbahaya secara tidak sah.

(v) Penguatkuasaan Undang-Undang

- 1) Sekiranya berlaku ketidakpatuhan, JASPP berkuasa untuk mengeluarkan kompaun, membawa kes ke mahkamah dan membatalkan lesen operasi; dan
- 2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) memperuntukkan hukuman berat seperti denda tinggi dan hukuman penjara bagi kesalahan yang serius.

(vi) Pendidikan dan Kesedaran

- 1) JASPP turut melaksanakan program pendidikan dan bengkel kepada pihak industri dan pengusaha premis berlesen; dan
- 2) Tujuan utama adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pengurusan buangan berjadual yang selamat, sah dan mesra alam.

Penekanan kepada penguatkuasaan, pemantauan sistematik dan pendidikan berterusan adalah antara tunjang utama dalam memastikan pengurusan buangan berjadual di Malaysia berjalan secara lestari dan bertanggungjawab.

(c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui JASPP komited dalam memperkukuh pengurusan sisa buangan berjadual secara menyeluruh dan lestari melalui pelbagai dasar, plan tindakan serta program berfokus. Antara inisiatif utama yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca (PSP)

Dilancarkan pada 1 Jun 2016, dasar ini menggalakkan penduduk dan sektor perniagaan untuk mengasingkan sisa di peringkat sumber kepada dua kategori utama, iaitu sisa baki dan sisa yang boleh dikitar semula. Langkah ini bertujuan mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan dan meningkatkan kadar kitar semula. Ia juga menyokong matlamat

menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih, hijau dan mampan.

(ii) *Penang Waste Management Roadmap 2030*

Kerajaan Negeri telah merangka Pelan Induk Pengurusan Sisa 2030 yang komprehensif, bertujuan merevolusikan pendekatan pengurusan sisa di negeri ini. Antara fokus utama pelan ini adalah pencegahan penjanaan sisa, pengurangan sisa di punca dan pembangunan industri pengurusan sisa yang kompetitif dan inovatif. Pelan ini menyasarkan untuk meningkatkan kadar kitar semula kepada 70% menjelang tahun 2030, sejajar dengan komitmen kelestarian alam sekitar.

(iii) Pemantapan Infrastruktur dan Teknologi Pelupusan Sisa

Kerajaan Negeri giat memperkukuhkan sistem pengurusan dan pelupusan sisa pepejal melalui usaha berikut:

- 1) Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong
 - a) Penyelenggaraan sistem rawatan *leachate* bergerak;
 - b) Pembangunan *ecopark*; dan
 - c) Penubuhan fasiliti pemulihan bahan dan penghasilan bahan api daripada sisa (*Refuse-Derived Fuel – RDF*).
- 2) Tapak Pelupusan Sampah Jelutong
 - a) Perancangan untuk pemulihan dan rehabilitasi tapak; dan
 - b) Pengurusan sisa binaan, sampah pukal dan sisa kebun.

(iv) Pendidikan dan Kesedaran Awam

Kerajaan Negeri melalui JASPP giat melaksanakan program pendidikan dan kesedaran awam, dengan fokus kepada:

- 1) Lawatan dan taklimat pendidikan ke sekolah-sekolah;
- 2) Peningkatan kesedaran tentang kepentingan pengasingan sisa di punca; dan
- 3) Galakan amalan kitar semula dalam kalangan generasi muda.

Inisiatif ini penting dalam membina budaya masyarakat yang prihatin terhadap pengurusan sisa dan kelestarian alam sekitar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

6. Terangkan status terkini tentang kes 11 warga asing ditahan dalam serbuan kilang haram e-waste serta rampasan bernilai RM21.83 juta di Machang Bubuk.
- (a) Adakah kes ini kes terpencil atau gejala lebih serius dan berleluasa di Pulau Pinang?
 - (b) Sejauh manakah kesan pencemaran e-waste dipantau dan ditangani?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Warga asing yang ditahan oleh pegawai penyiasat Pegawai Risik Batalion 1 Pasukan Gerakan Am Ulu Kinta Perak telah diserahkan kepada Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah untuk siasatan dan tindakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
- (a) Berdasarkan rekod dari tahun 2021 hingga 2025 adalah seperti berikut:

| TAHUN | KES |
|--------------|------------|
| 2020 | tiada |
| 2021 | tiada |
| 2022 | tiada |
| 2023 | tiada |
| 2024 | 2 kes |
| 2025 | 7 kes |

Kertas Siasatan untuk tujuan pendakwaan telah disediakan bagi mendapatkan izin dakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

- (b) Jabatan Alam Sekitar telah bekerjasama dengan Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang untuk mengenal pasti dan menyiasat kilang haram *e-waste*. Selain itu, pemantauan menggunakan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) iaitu *drone* turut dilaksanakan bagi memantau kesan pencemaran serta kawasan yang berpotensi dijadikan lokasi penempatan atau kilang haram *e-waste* di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

7. **Pewartaan kawasan tadahan air.**

- (a) Terangkan status terkini pewartaan kawasan tadahan air di Pulau Pinang mengikut peratusan daripada kawasan yang dikenal pasti.
- (b) Nyatakan isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha mewartakan kawasan tadahan air.
- (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mewartakan semua kawasan tadahan utama?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewartakan sebanyak 6,288.30 hektar kawasan tadahan di bawah Enakmen Pembekalan Air 1998, Perintah Pembekalan Air (1998) (kawasan tadahan) (pindaan) 2009. Berikut adalah pecahan pewartaan jumlah keluasan dan peratusan kawasan tadahan mengikut daerah:

| BIL | Daerah | Keluasan (hektar) | Jumlah peratusan (%) |
|------------|---------------|------------------------------|-------------------------------------|
| 1 | Timur Laut | 3,927.95 | 62.5 |
| 2 | Barat Daya | 1,234.87 | 19.6 |

| | | | |
|---------------|------------------------|-----------------|------|
| 3 | Seberang Perai Selatan | 444.88 | 7.1 |
| 4 | Seberang Perai Tengah | 680.60 | 10.8 |
| JUMLAH | | 6,288.30 | - |

- (b) Antara isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mewartakan kawasan tadahan air adalah sebanyak hampir 85% daripada kawasan tadahan yang telah diwartakan tersebut terlibat dengan tanah persendirian. Sehubungan dengan itu, semua pemilik tanah tersebut tertakluk dengan perintah Perintah Pembekalan Air (1998) (kawasan tadahan) (pindaan) 2009 di mana tiada sebarang aktiviti dibenarkan di kawasan tadahan air melainkan aktiviti sepertimana di bawah jadual kedua seperti di **LAMPIRAN A**.

Selain itu, terdapat aktiviti melibatkan pencerobohan di kawasan tadahan air di mana terdapat pengusaha-pengusaha yang melakukan aktiviti pengabstrakan air secara tidak sah untuk keperluan pertanian dan juga pembinaan struktur-struktur secara tidak sah di kawasan tadahan. Walaupun kawalan pemantauan dilaksanakan secara bersepadu oleh Kerajaan Negeri, tiada perundangan yang jelas boleh diambil tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti tersebut. Oleh demikian, Kerajaan Negeri telah merangka satu Rang Undang-Undang Baharu iaitu RUU Sumber Air Pulau Pinang yang akan dibentangkan dalam dewan persidangan ini bagi penambahbaikan dari sudut kawalan aktiviti ke atas sumber air dan penguatkuasaan undang-undang yang boleh diambil tindakan sekiranya berlaku pelanggaran ke atas syarat yang telah ditetapkan.

- (c) Kerajaan Negeri akan meneliti semula semua kawasan-kawasan tadahan yang telah diwartakan untuk disesuaikan semula dengan peruntukan melalui RUU Sumber Air Negeri Pulau Pinang yang akan dibentangkan dalam dewan persidangan ini sekiranya diluluskan. Melalui RUU ini telah memperuntukkan punca kuasa ke atas sumber air yang lebih bersifat menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai sektor untuk kepentingan bersama dalam memelihara sumber air negeri.



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 8

9hb April 2009

TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 6.

ENAKMEN PEMBEKALAN AIR 1998

PERINTAH PEMBEKALAN AIR (KAWASAN TADAHAN) (PINDAAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Enakmen Pembekalan Air 1998, Pihak Berkuasa Negeri membuat perintah berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembekalan Air (Kawasan Tadahannya) (Pindaan) 2009**.

Perintah baru ia

2. Perintah Pembekalan Air (Kawasan Tadahannya) 2004 yang selepas ini disebut sebagai "Perintah Ibu" adalah dipinda dengan memasukkan seluas perintah 1, perintah yang berikut:

"Tahiran 1A. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

"bahagian hilir" ertinya kawasan tadahan yang terletak di bahagian bawah daripada muka sauk bekalan air;

"bahagian hulu" ertinya kawasan tadahan yang terletak di bahagian atas daripada muka sauk bekalan air;

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

8. Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) dinaik taraf menjadi Lembaga Sumber Air Pulau Pinang (Penang Water Authority).
- (a) Terangkan status terkini tentang penubuhan Lembaga ini.
 - (b) Nyatakan peruntukan khasnya implikasi kewangan dan pengurusan sumber manusia dalam Lembaga tersebut.
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan Jawatakuasa Tetap DUN mengenai Air dan Alam Sekitar untuk tujuan tersebut?.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.11/2025 bertarikh 16 April 2025 telah meluluskan dasar penggubalan Rang Undang-Undang Baharu Lembaga Sumber Air Pulau Pinang 2025 dan Rang Undang-Undang sumber Air Pulau Pinang 2025 untuk dibentangkan kepada Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Kelima Belas. Oleh demikian, kedua-dua Rang Undang-Undang ini akan dibentangkan semasa dewan persidangan ini dan penubuhan Lembaga Sumber Air Pulau Pinang ini akan berkuatkuasa setelah RUU berkaitan perkara ini diluluskan melalui dewan persidangan ini.

- (b) Cadangan penggubalan kedua-dua Rang Undang-Undang Baharu ini akan melibatkan implikasi kewangan terutamanya untuk menampung perbelanjaan bagi pertambahan skop dan bidang kuasa baharu dan juga pertambahan bilangan pegawai untuk menjalankan fungsi di bawah Lembaga ini nanti. Pada masa ini, BKSA tidak mempunyai punca kuasa sebelum ini ke atas sumber air menyebabkan BKSA tidak dapat melaksanakan kutipan melalui caj, fi atau sekuriti kepada mana-mana orang yang telah melaksanakan aktiviti ke atas sumber air. Sehubungan dengan itu, BKSA tidak dapat menjana hasil pendapatannya sendiri sebelum ini dan tiada sumber kewangan hasil sendiri. Negeri masih perlu menyalurkan geran permulaan kepada Lembaga mengikut persetujuan bersama yang akan dibincangkan kemudian sepertimana yang telah dilaksanakan untuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri. Selain itu, kos untuk pewartaan kedua-dua Rang Undang-Undang baharu bagi perkhidmatan penyiaran di dalam Warta Kerajaan Negeri akan dikenakan oleh Percetakan Nasional Malaysia Berhad kepada BKSA.
- (c) Penubuhan Jawatankuasa Tetap DUN mengenai Air dan Alam Sekitar untuk tujuan tersebut akan diteliti oleh Lembaga semula mengikut keperluan setelah RUU ini diluluskan. RUU ini juga telah memperuntukkan punca kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau bersesuaian untuk membantu Lembaga melaksanakan fungsinya atau kewajipannya dan menjalankan kuasanya di bawah RUU ini. Sehubungan dengan itu, penubuhan jawatankuasa tersebut boleh dilaksanakan oleh Lembaga pada bila-bila masa sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

9. Perancangan bandar dan desa.
- (a) Apakah langkah-langkah reformasi diambil oleh kerajaan untuk memastikan perancangan benar-benar untuk rakyat dan masa depan Negeri Pulau Pinang?
 - (b) Terangkan status pelaksanaan Rancangan Tempatan (RT) bagi MBPP dan MBSP.
 - (c) Sejauh manakah pemodelan kecerdasan buatan (AI) dan pemetaan sistem informasi geografis (GIS) interaktif diguna pakai untuk bandar pintar berdaya tahan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Sebagai sebuah negeri yang berdaya maju, pesat membangun dan negeri yang rancak pertumbuhan ekonominya, Kerajaan Negeri mempunyai objektif yang jelas dalam merancang pembangunan secara mampan bagi mencapai persekitaran yang bersih, hijau, selamat dan sihat tanpa meminggirkan pembangunan rakyat dan masa depan. Penyediaan Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan, serta Rancangan Kawasan Khas yang menjadi asas penting dalam perancangan pembangunan fizikal, ekonomi, kelestarian alam sekitar dan sosial negeri.

Fungsi utama Rancangan Pemajuan adalah untuk memastikan pembangunan yang dilaksanakan adalah selaras dengan visi jangka panjang Kerajaan Negeri, selaras dengan

keperluan dan aspirasi rakyat. Kerajaan Negeri melaksanakan perancangan berasaskan data (evidence-based planning) bagi memastikan setiap projek pembangunan yang dijalankan atau pemajuan yang diterima memenuhi keperluan sebenar rakyat. Berikut adalah mekanisma-mekanisma pelaksanaan rancangan pemajuan yang dilaksanakan:-

- (i) Laporan kajian impak seperti Kajian Impak Sosial (SIA), Kajian Impak Lalu Lintas (TIA) dan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA);
 - (ii) Pelaksanaan sesi libat urus awam dalam proses perancangan pembangunan seperti Bantahan Lot Berjiran dan Publisiti Awal dan Pendengaran Awam bagi penyediaan Rancangan Tempatan;
 - (iii) Pelaksanaan pengurusan bajet di bawah program *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB);
 - (iv) Pembangunan Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia;
 - (v) Cadangan pembangunan sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri dan *Sustainable Development Goals* (SDGs);
 - (vi) Memberi kemudahan kepada rakyat melalui pendekatan teknologi dalam perancangan bandar serta pengurusan aduan;
 - (vii) Perancangan memfokuskan pembangunan lestari dan hijau yang dijalankan melalui penyediaan kajian perubahan iklim, kajian bandar mampan dan pelaksanaan program hijau seperti program penanaman pokok, sambutan *World Earth Day*, Anugerah Sekolah Hijau dan lain-lain lagi selaras dengan *Penang Green Agenda*.
- (b) Status terkini pelaksanaan Rancangan Tempatan (RT) di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-
- (i) Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2035

Kajian ini sedang dijalankan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan berada di peringkat penyediaan Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP).

(ii) Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030

Kajian ini berada di peringkat penambahbaikan Laporan Draf Akhir sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusan dan seterusnya diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pewartaan.

- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka dasar yang jelas dalam usaha menuju ke arah pembangunan negeri pintar selaras dengan objektif yang dinyatakan dalam Penang2030, Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang dan Pelan Induk Transformasi Digital 1.0. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia@PulauPinang) dan kedua-dua PBT memainkan peranan masing-masing dalam usaha mencapai objektif tersebut. Inisiatif pelaksanaan daripada setiap pihak adalah seperti berikut:-

(i) PLANMalaysia@PulauPinang

Platform Portal Penang Geo Hub, yang mengintegrasikan perkongsian data pemetaan melalui aplikasi *Mapservices* daripada pelbagai agensi. Dalam konteks ini, pihak Perancang Negeri akan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk pembangunan data geospasial yang menyokong penyediaan Pelan Pemajuan dan dokumen perancangan lain.

Maklumat geospasial yang dibangunkan ini boleh diakses oleh pengguna awam dan agensi kerajaan melalui aplikasi SMARTPLAN di bawah Penang Geo Hub. Aplikasi SMARTPLAN menampilkan 14 modul pemetaan data geospasial yang dibangunkan menggunakan teknologi GIS terkini dan telah direka bentuk untuk sedia diintegrasikan dengan pemodelan Kecerdasan Buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan analisis dan sokongan kepada proses perancangan bandar pintar.

(ii) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

Pemetaan bagi Rancangan Tempatan akan dilaksanakan secara digital keseluruhan dengan menggunakan format sistem maklumat geografi (GIS) sebagai salah satu inisiatif dalam melaksanakan transformasi digital selaras dengan Pelan Transformasi Digital MBPP.

Selain itu, data GIS juga akan menyokong kawalan dan perancangan akan datang yang akan menjadi salah satu sektoral kajian dalam Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2035.

MBPP akan menggunakan AI bagi perkhidmatan pelanggan. Pelawaan untuk cadangan telah dibuka untuk penyertaan syarikat swasta bagi projek AI ini. MBPP masih di peringkat kajian bagi penggunaan dalam pelbagai urusan lain seperti pengurusan cukai dan inventori aset.

(iii) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

- 1) Zoning dan Perancangan Bandar – GIS digunakan untuk pemantauan zon guna tanah, pemetaan Rancangan Tempatan dan pelaksanaan pemajuan agar selari dengan perancangan strategik.
- 2) Pengurusan Cukai – GIS menyokong sistem penilaian dan pengurusan cukai harta secara spatial, termasuk pemetaan lot, bangunan dan semakan status pembayaran.
- 3) Pengurusan Krisis – Menggunakan teknologi AI dan IoT dalam sistem pengurusan banjir iaitu Sistem *Integrated Flood And Pump House Monitoring System* (INFLOS)
- 4) Inventori Aset dan Infrastruktur – Pemetaan lokasi kilang, gerai penjaja.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

10. Penyalahgunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk gambar lucah palsu (deepfake).
- (a) Apakah langkah-langkah dan SOP yang diambil agar kejadian serupa tidak berlaku di sekolah dan institusi pendidikan?
 - (b) Terangkan mekanisme sokongan yang disediakan untuk membantu mangsa penyalahgunaan AI.
 - (c) Sejauh manakah kesedaran mengenai etika penggunaan teknologi AI di Pulau Pinang?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Penyalahgunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) untuk menghasilkan gambar lucah palsu (deepfake) merupakan isu yang semakin membimbangkan terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pendidikan.
- (a) Bagi mengelakkan kejadian ini daripada terus berlaku, beberapa langkah dan prosedur operasi standard (SOP) telah diperkenalkan. Pada 20 September 2024, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Kementerian Digital telah membangunkan Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika AI Negara sebagai garis panduan membentuk rangka kerja etika bagi penggunaan AI secara bertanggungjawab. Selain itu, sekolah swasta disarankan untuk mempunyai SOP sendiri dalam menangani kes salah laku seksual berkaitan AI

dan juga merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

- (b) Untuk membantu mangsa penyalahgunaan teknologi AI, terdapat beberapa mekanisme sokongan yang disediakan. Mangsa boleh membuat laporan kepada pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Di samping itu, bantuan psikososial dan khidmat kaunseling turut disediakan oleh agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi membantu mangsa menangani trauma. Terdapat juga program-program pendidikan dan kesedaran awam yang dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap risiko dan bahaya teknologi AI jika disalahgunakan.
- (c) Di Pulau Pinang, tahap kesedaran mengenai etika penggunaan teknologi AI adalah baik hasil pelbagai inisiatif kerajaan. Antaranya adalah pelancaran Hub Pendidikan AI Pulau Pinang yang bertujuan menyediakan latihan dan pendidikan berkaitan AI termasuklah daripada aspek etika. Tambahan pula, Kementerian Digital melalui Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyebarkan kesedaran AI dalam kalangan pelajar dan memastikan infrastruktur pendidikan berkaitan teknologi ini lengkap dan terkini.

Keseluruhannya, Malaysia sedang melangkah ke arah pembangunan AI yang lebih selamat dan beretika, dengan fokus kepada perlindungan pelajar dan pengguna umum daripada ancaman teknologi yang disalahgunakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

11. Penang Turf Club (PTC).

- (a) Terangkan status pemilikan tanah PTC serta *zoning* terkini.
- (b) Terangkan peranan kerajaan dalam menentukan guna tanah, perancangan dan pembangunan di atas tanah seluas 81 hektar di *prime location*.
- (c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pembangunan yang mampan selaras dengan visi Penang2030 demi kepentingan awam?.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. (a) PT102, Seksyen 2, George Town, Daerah Timur Laut ini adalah dimiliki oleh Goh Eng Toon, Ong Eng Khuan dan Teh Choon Beng sebagai pemegang amanah untuk Penang Turf Club melalui hakmilik bernombor HSD 20562. Tanah ini dizonkan sebagai Kawasan Keutamaan Pembangunan 1 iaitu bagi tujuan komersial.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah dan Tanah, PlanMalaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan teknikal melalui Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) adalah jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dalam menguruskan permohonan mengubah guna tanah. Antara perkara yang dinilai adalah cadangan pembangunan, kesesuaian lokasi, reka bentuk dan susun atur, akses, kesan dan impak kepada alam sekitar dan penduduk. Penentuan guna tanah juga tertakluk kepada Rancangan Struktur Negeri

Pulau Pinang dan Rancangan Tempatan Pulau Pinang. Sebarang urusan permohonan mengubah kategori dan syarat nyata tanah perlu dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut dan Pejabat Tanah dan Galian yang seterusnya akan diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan selanjutnya.

- (c) Visi Penang2030 adalah bertunjangkan empat tema iaitu meningkatkan daya huni sebagai peningkatan kualiti hidup rakyat menaik taraf ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan umum dan melabur dalam infrastruktur serta kemudahan awam bagi meningkatkan daya tanah dalam pelbagai keadaan. Visi ini memberi penekanan terhadap pembangunan institusi kekeluargaan malah turut merangkumi aspek negeri hijau dan pintar dan keterangkuman semua entiti.

Berdasarkan visi ini, Kerajaan Negeri akan membuat keputusan yang seimbang dan adil terhadap pemohon atau tuan tanah dalam meluluskan cadangan-cadangan pembangunan yang bakal dikemukakan. Ini bagi memastikan pemajuan tersebut dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan dapat merangsang ekonomi tempatan. Pembangunan yang diluluskan perlu diintegrasikan dengan teknologi pintar yang terkini serta persekitaran yang mesra komuniti. Pemeliharaan alam sekitar dan biodiversiti serta elemen warisan budaya atau sejarah akan diberi perhatian dalam pemajuan tanah ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

12. Permohonan Projek Pembangunan 2026-2030 RMK13.
- (a) Senaraikan projek-projek yang telah dimohon berdasarkan kriteria, jenis projek, strategi dan anggaran nilai projek yang diguna pakai.
 - (b) Terangkan mekanisme pemantauan yang diguna pakai bagi memastikan pelaksanaan projek-projek Persekutuan berjalan dengan cekap dan berintegriti.
 - (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri sekiranya permohonan tidak diluluskan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Kerajaan Negeri telah menerima cadangan daripada 26 jabatan dan agensi bagi projek *Rolling Plan* Pertama (RP1) Tahun 2026 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), yang merangkumi sebanyak 128 projek dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM17,228,995,534.17. Daripada jumlah tersebut, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2026 adalah sebanyak RM2,109,812,452.88. Pecahan cadangan projek mengikut kementerian boleh dirujuk di **LAMPIRAN A**.
- (b) Bagi memastikan pelaksanaan projek Persekutuan di Pulau Pinang dilaksanakan dengan cekap dan berintegriti, pemantauan dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan (ICU) Negeri Pulau Pinang selaku penyelarasan utama, dengan

kerjasama rapat kementerian dan agensi pelaksana di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Mekanisme pemantauan ini merangkumi mesyuarat berkala Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPN_g), penyediaan laporan kemajuan projek secara berjadual, pelaksanaan lawatan tapak, serta pelaporan berkala kepada Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPN_g). Di samping itu, Sistem MyProjek yang dibangunkan oleh ICU Jabatan Perdana Menteri digunakan untuk memastikan pelaporan dan pemantauan projek dapat dilaksanakan secara sistematik, tepat masa dan telus.

Penekanan turut diberikan kepada aspek pematuhan skop, jadual pelaksanaan, kos perbelanjaan serta pematuhan kepada tatacara perolehan yang ditetapkan bagi memastikan setiap projek mencapai matlamat pembangunan yang telah dirancang.

- (c) Sekiranya sesuatu permohonan projek tidak diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan mengambil beberapa langkah termasuk:
 - (i) Memohon semula dengan penambahbaikan pada justifikasi dan reka bentuk pelaksanaan;
 - (ii) Meneliti potensi pelaksanaan melalui kaedah kerjasama awam-swasta (PPP);
 - (iii) Menyusun semula keutamaan bajet pembangunan negeri untuk pelaksanaan secara berfasa; dan
 - (iv) Mengadakan rundingan susulan dengan kementerian terlibat untuk mempertimbangkan semula projek berkenaan dalam pelan *Rolling Plan* yang akan datang.

LAMPIRAN A**SENARAI CADANGAN PROJEK RP1 TAHUN 2026 DI BAWAH RMK13 YANG TELAH DITERIMA OLEH KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KEMENTERIAN****A) JABATAN PERDANA MENTERI**

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|---|
| 1. | Kerja - Kerja Menaiktaraf Bangunan Dan Lain - Lain Kerja Penyelenggaraan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Pulau Pinang | Projek | 2,500,000 | 800,000 | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang |
| 2. | Bina Baru Bangunan Persekutuan Daerah Barat Daya Di Sebahagian Lot 2279, Mukim 6, Balik Pulau, Daerah Barat Daya | Projek | 80,000,000 | 500,000 | Jabatan Perdana Menteri dicadangkan oleh Pejabat Daerah & Tanah, Barat Daya |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|--|----------------------------|--|---|--|
| 3. | Bina Baru Masjid Bandar Baru Air Putih, Balik Pulau | Projek | 20,000,000 | 500,000 | Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dicadangkan oleh Pejabat Daerah & Tanah, Barat Daya |
| 4. | Pembesaran Masjid Al-Hidayah Bayan Lepas | Projek | 7,000,000 | 500,000 | Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dicadangkan oleh Pejabat Daerah & Tanah, Barat Daya |
| 5. | Pembaikan Bumbung Masjid Binjai Bayan Lepas Dan Kerja Berkaitan | Projek | 2,000,000 | 500,000 | Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dicadangkan oleh Pejabat Daerah & Tanah, Barat Daya |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|--|----------------------------|--|---|--|
| 6. | Bina Baru Surau Bayu Nyaman, Bayan Lepas | Projek | 1,000,000 | 500,000 | Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dicadangkan oleh Pejabat Daerah & Tanah, Barat Daya |
| 7. | Cadangan Pembinaan Baru Projek Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan | Projek | 15,000,000 | 600,000 | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang |
| Jumlah (RM) | | | 127,500,000 | 3,900,000 | |

B) KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|------|--|--------------------|--|----------------------------------|--|
| 1. | Cadangan Kerja-Kerja Naik taraf Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang | Projek | 10,000,000 | 1,300,000 | Majlis Bandaraya Seberang Perai |
| 2. | Kerja-Kerja Membekal, Memasang Dan Mentauliah Lampu Limbah Baharu di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan | Projek | 12,000,000 | 12,000,000 | Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang |
| 3. | Bina Baru Gelanggang Sepak Takraw di Gertak Sanggul | Projek | 200,000 | 200,000 | Jabatan Belia dan Sukan |
| 4. | Bina Baru Bumbung Gelanggang Bola Keranjang Sunway Tunas | Projek | 550,000 | 200,000 | Jabatan Belia dan Sukan |
| 5. | Bina Baru Gelanggang Sepak Takraw Di Sungai Batu, Bayan Lepas | Projek | 200,000 | 200,000 | Jabatan Belia dan Sukan |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|--|----------------------------|--|---|-------------------------------|
| 6. | Pemasangan Lampu Limpah Di Padang Bola Kongsu, Balik Pulau | Projek | 350,000 | 350,000 | Jabatan Belia dan Sukan |
| 7. | Bina Baru Stadium Mini Balik Pulau Bersebelahan Kompleks Sukan Balik Pulau | Projek | 25,000,000 | 500,000 | Jabatan Belia dan Sukan |
| 8. | Bina Baru Gelanggang <i>Pickle Ball</i> Di Taman Sungai Ara | Projek | 400,000 | 400,000 | Jabatan Belia dan Sukan |
| Jumlah (RM) | | | 48,700,000 | 15,150,000 | |

C) KEMENTERIAN DIGITAL

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|------|--|--------------------|--|----------------------------------|-------------------|
| 1. | MSME LevelUP & Market Access Program | Program | 3,250,000 | 500,000 | Digital Penang |
| 2. | Hardtech and Deeptech Go-to-Market Commercialisation Programme | Program | 10,000,000 | 4,000,000 | Digital Penang |
| 3. | Dah Digital | Program | 3,500,000 | 650,000 | Digital Penang |
| 4. | ASEAN Startups Soft Landing Programme | Program | 5,000,000 | 1,000,000 | Digital Penang |
| 5. | PGX Venture Studio North | Program | 50,000,000 | 20,000,000 | Digital Penang |
| 6. | SME GO Digital Sustainable Accelerator Program (SAP) | Program | 2,500,000 | 300,000 | Digital Penang |
| 7. | SME GO DIGITAL AI Series | Program | 3,000,000 | 400,000 | Digital Penang |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|------------------------|----------------------------|--|---|---------------------------|
| 8. | Cybersecurity Center | Program | 5,000,000 | 1,000,000 | Digital Penang |
| 9. | State Utility Corridor | Program | 2,500,000 | 1,500,000 | Digital Penang |
| 10. | FutureGov Nexus | Program | 40,000,000 | 20,000,000 | Digital Penang |
| Jumlah (RM) | | | 124,750,000 | 49,350,000 | |

D) KEMENTERIAN KERJA RAYA

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|------|---|--------------------|-------------------------------------|----------------------------------|--------------------------|
| 1. | Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) | Projek | 8,876,000,000 | 1,579,000,000 | BPEN |
| 2. | Bina baru jalan <i>bypass</i> dari jalan Bukit Penara ke Lintang Bukit Penara 1, Balik Pulau | Projek | 5,000,000 | 500,000 | Jabatan Kerja Raya |
| 3. | Bina baru jalan <i>bypass</i> dari jalan Balik Pulau ke Jalan Pondok Upeh, Balik Pulau | Projek | 16,000,000 | 500,000 | Jabatan Kerja Raya |
| 4. | Bina baru jalan <i>bypass</i> dari Lengkok Kelicap ke Jalan Kaki Bukit, Bayan Lepas | Projek | 22,000,000 | 500,000 | Jabatan Kerja Raya |
| 5. | Projek Menaiktaraf Jalan Tunggal 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Di Laluan Persekutuan FT006 Dari Bayan Lepas Ke Teluk | Projek | 369,000,000 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|---------------------------|
| | Kumbar, Pulau Pinang | | | | |
| 6. | Menaiktaraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek 720) Ke Jambatan Di Atas Sungai Junjung (Sek 740) Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan (Menaiktaraf Jalan & Persimpangan Dari CH14850-CH10750 dan CH8900-CH7200 | Projek | 259,000,000 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |
| 7. | Cadangan Pelebaran Jalan & Persimpangan Laluan Persekutuan FT149 Dari Persimpangan Jalan Kendi | Projek | 275,000,000 | 500,000.00 | Jabatan Kerja Raya |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|---------------------------|
| | Sehingga Persimpangan Tol Bukit Tambun Selatan, Simpang Ampat Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. | | | | |
| 8. | Projek Menaiktaraf Jalan Dan Membina Jembatan Di Jalan Persekutuan FT006, Jalan Sultan Azlan Shah Bermula Dari Seksyen 13.2 Sehingga Seksyen 15.8 Bayan Lepas, Pulau Pinang | Projek | 250,000,000 | 250,000.00 | Jabatan Kerja Raya |
| 9. | Mengganti Jambatan Ampang Jajar FT3111 Jalan 5 Permatang Pauh, Daerah Seberang Perai | Projek | 85,000,000.00 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|---------------------------|
| | Tengah, Pulau Pinang | | | | |
| 10. | Menaiktaraf Jalan Tunggal FT001, 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Dari 6 Persimpangan Borr (Sek.765) Ke Permatang Pak Elong Sek. 773), Seberang Perai Utara, Pulau Pinang | Projek | 332,000,000 | 200,000.00 | Jabatan Kerja Raya |
| 11. | Cadangan Pelebaran Jalan & Persimpangan Laluan Persekutuan FT149 Dari Persimpangan FT001 Sehingga Persimpangan Jalan Kendi, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang-Fasa 6C | Projek | 235,000,000 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|------|--|--------------------|-------------------------------------|----------------------------------|--------------------|
| 12. | Cadangan Penambahbaikan Aliran Lalulintas Di Kawasan Ayer Itam, Cadangan Tanjakan Berarah Di Simpang Jalan Thean Tek, FT 221/ Jalan Air Itam, FT220 Pulau Pinang | Projek | 162,000,000 | 250,000.00 | Jabatan Kerja Raya |
| 13. | Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT280, Sek. 050, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang | Projek | 3,000,000 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |
| 14. | Pembinaan Pedestrian <i>Motorway Bridge</i> Di 10 Kawasan Masjid Kampung Seronok P10, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang | Projek | 11,000,000 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|---------------------------|
| 15. | Projek Membina Dan Menaiktaraf Jalan Dari Laluan Persekutuan FT001 Di Jawi Ke Persimpangan 11 Bertingkat Jambatan Kedua, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang | Projek | 356,000,000 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |
| 16. | Cadangan Melebarkan Jalan Dan Membina Median 12 Di Jalan Persekutuan FT 3112, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | Projek | 15,000,000 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |
| 17. | Projek Menaiktaraf Jalan Tunggal FT001, 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Dari 13 Permatang Tinggi (Sek | Projek | 533,000,000 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|--|----------------------------|--|---|---------------------------|
| | 740.4) Ke Sungai Juru (Sek 746.4), Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | | | | |
| 18. | Pembinaan 'Underpass' Di Bulatan Jalan Tun Dr 14 Awang FT 281 Seksyen 0.10 Menuju Ke Lebuhraya Sungai Nibong | Projek | 186,000,000 | 100,000.00 | Jabatan Kerja Raya |
| Jumlah (RM) | | | 11,990,000,000 | 1,582,700,000 | |

E) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|------|--|--------------------|-------------------------------------|----------------------------------|--------------------------|
| 1. | Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Tangki Bekalan Air Serta Kerja- Kerja Lain Berkaitan di Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang | Projek | 4,232,525 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 2. | Pembinaan Kompleks Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah Berserta Klinik Kesihatan Jenis 3 (KK3) Kubang Semang, Pulau Pinang | Projek | 107,000,000 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 3. | Pembinaan Makmal Keselamatan Dan Kualiti Makanan (MKKM) Zon Utara (Pulau Pinang) dan Stor Ekshibit Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang | Projek | 265,088,219.17 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|--|----------------------------|--|---|--------------------------------|
| 4. | Pembinaan Multi <i>Storey Block</i> Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang | Projek | 1,024,400,000 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 5. | Pembinaan Blok Makmal Dan Forensik Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang | Projek | 65,000,000 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 6. | Kerja-kerja Menaiktaraf Bangunan Jabatan Dietetik Dan Sajian Kepada Kompleks Farmasi Logistik Dan Steril, Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang | Projek | 20,000,000 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 7. | Pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 2 (KK2) Butterworth, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang | Projek | 85,000,000 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|--|----------------------------|--|---|---------------------------|
| 8. | Pembinaan Kompleks Kesihatan Daerah Timur Laut Berserta Klinik Kesihatan Jenis 1 (KK1) Jalan Perak Dan Blok Kesihatan Mental Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang | Projek | 520,025,000 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 9. | Kerja-kkerja Menaiktaraf Wad Kelas Satu Dan Kerja-kkerja Lain Berkaitan Di Blok A, Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang | Projek | 12,622,280 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 10. | Pembinaan Kompleks Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan Berserta Klinik Kesihatan Jenis 2 (KK2) Bukit Panchor, Pulau Pinang | Projek | 138,650,000 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|---|----------------------------|--|---|----------------------------|
| 11. | Projek Penggantian Kenderaan Dan Peralatan Bagi Pasukan Pergigian Bergerak Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (Klinik Pergigian Bukit Panchor) | Projek | 450,000 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 12. | Projek Penggantian Kenderaan Dan Peralatan Bagi Pasukan Pergigian Bergerak Daerah Timur Laut, Pulau Pinang (Klinik Pergigian Jalan Macalister) | Projek | 450,000 | 50,000 | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 13. | Projek Hospital Islam Pulau Pinang | Projek | 400,000,000 | 15,000,000 | Yayasan Islam Pulau Pinang |
| Jumlah (RM) | | | 2,642,918,024.17 | 15,600,000 | |

F) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|------|---|--------------------|--|----------------------------------|----------------------------|
| 1. | Pembinaan Baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Juru, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Yang Mengandungi 24 Bilik Darjah Serta Kemudahan-Kemudahan Lain Mengikut Piawai | Projek | 99,212,353 | 400,000 | Jabatan Pendidikan Negeri |
| 2. | Sekolah Islam Antarabangsa Al-Mashoor | Projek | 42,000,000 | 800,000 | Yayasan Islam Pulau Pinang |
| 3 | Technical Skill Learning: Program Asas Kemahiran Teknikal Bagi Sekolah Menengah Atas Fokus Kepada Industri Semikonduktor | Progam | 32,499,982 | 6,877,744 | Penang STEM |
| 4 | Stepup Wizkids | Progam | 8,814,900 | 964,212 | Penang STEM |

| | | | | | |
|----|--|---------|------------|---------|------------------------|
| 5 | <i>Stem Future-Proofing: Program Berstruktur 2 Tahun Bagi Pelajar Akademik Sekolah Menengah Fokus Kepada Asas Bidang Kejuruteraan (Mekatronik) & Komputer/Data Sains</i> | Program | 11,081,110 | 983,501 | Penang STEM |
| 6 | <i>Coding For All</i> | Program | 1,000,000 | 200,000 | Penang Science Cluster |
| 7 | <i>Maker Lab Programme & Competition</i> | Program | 1,000,000 | 200,000 | Penang Science Cluster |
| 8 | <i>Lab On Wheels</i> | Program | 1,000,000 | 200,000 | Penang Science Cluster |
| 9 | <i>Ai Skills For All</i> | Program | 1,000,000 | 200,000 | Penang Science Cluster |
| 10 | <i>Fun Math (Pilot)</i> | Program | 800,000 | 160,000 | Penang Math Platform |
| 11 | <i>Penang Mathletes (Pilot)</i> | Program | 1,050,000 | 210,000 | Penang Math Platform |
| 12 | <i>Bright Sparks (Pilot)</i> | Program | 800,000 | 160,000 | Penang Math Platform |

| | | | | | |
|--------------------|----------------------|---------|--------------------|-------------------|------------------|
| 13 | Inisiatif Celik Stem | Program | 21,000,000 | 3,000,000 | Tech Dome Penang |
| Jumlah (RM) | | | 221,258,345 | 14,355,457 | |

G) KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|------|---|--------------------|--|----------------------------------|---------------------------------|
| 1. | Projek Pembangunan Eko Pelancongan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Sungai Tembus, Seberang Perai Utara Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai. | Projek | 4,000,000 | 2,000,000 | Majlis Bandaraya Seberang Perai |
| 2. | Projek Pembangunan Eko Pelancongan Sungai Perai Di Taman Rekreasi Awam Taman Bandar Ampang Jajar, Jalan Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai | Projek | 45,000,000 | 5,000,000 | Jabatan Landskap, MBSP |
| 3. | Projek Pembangunan Eko Pelancongan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Sungai Terus, Penanti, | Projek | 2,000,000 | 1,000,000 | Majlis Bandaraya Seberang Perai |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|---------------------------------------|
| | Seberang Perai Tengah Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai. | | | | |
| 4. | Projek Pembangunan Eko Pelancongan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Sungai Udang Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai. | Projek | 4,000,000 | 2,000,000 | Majlis Bandaraya Seberang Perai |
| 5. | Cadangan Pembangunan Dan Restorasi Bangunan Warisan Gate House (Bel Retiro) Sebagai 'Penang Hill Gallery@Gate House' Yang Berkonsepkan Edu-Pelancongan | Projek | 8,000,000 | 6,400,000 | Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|------|---|--------------------|--|----------------------------------|---------------------------------------|
| 6. | <p>Cadangan Membina Semula Bangunan Perniagaan (Astaka) 2 Tingkat Dan 2 Tingkat "Lower Ground":</p> <p>i) "Lower Ground" 2: Ruang Utiliti</p> <p>ii) "Lower Ground" 1: Ruang Perniagaan (Astaka)</p> <p>iii) Paras 1: Ruang Perniagaan (Astaka)</p> <p>iv) Paras 2: Ruang Terbuka Dan Ruang Punggah di atas Sebahagian Tanah Kerajaan Bersebelahan Lot 250, Bandar Bukit Bendera, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang</p> | Projek | 15,836,505 | 14,761,200 | Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|--|----------------------------|--|---|---|
| 7. | Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Sepanjang Laluan <i>Bypath</i> A, B, C Dan D, Bukit Bendera, Mukim 16, Daerah Timur Laut, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang | Projek | 1,188,513 | 1,188,513 | Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang |
| 8. | Cadangan Projek Kajian Lidar Dan Hidrologi Untuk Pemeliharaan Dan Peningkatan Biodiversiti Di Kawasan Rizab Biosfera Bukit Bendera | Projek (Kajian) | 2,610,000 | 1,305,000 | Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang |
| 9. | Kerja-Kerja Membina Denai Titi Kayu Di Kuala Haji Ibrahim, Seberang Perai Selatan | Projek | 500,000 | 500,000 | Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|---|----------------------------|--|---|---|
| 10. | Naik taraf Kemudahan Jeti Pantai Kerachut di Taman Negara Pulau Pinang. | Projek | 3,300,000 | 3,300,000 | Taman Negara Pulau Pinang, Jabatan Perhilitan |
| Jumlah (RM) | | | 86,435,018 | 37,454,713 | |

H) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|----------------------------|----------------------------|--|---|---|
| 1. | Rumah Mampu Milik Koperasi | Projek | 220,000,000 | 90,501,282.88 | Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pulau Pinang |
| Jumlah (RM) | | | 220,000,000 | 90,501,282.88 | |

I) KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|--|
| 1. | Kerja-Kerja Menaiktaraf Muka Sauk Di Titi Kerawang Dan Pemasangan Paip Air Mentah Dari Muka Sauk Titi Kerawang Ke Empangan Teluk Bahang, Pulau Pinang | Projek | 26,500,000 | 500,000 | Bahagian Kawal Selia Air Pulau Pinang |
| 2. | Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (Taps) Sungai Perai, Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang | Projek | 100,000,000 | 2,000,000 | Bahagian Kawal Selia Air Pulau Pinang) |
| 3. | Kerja-Kerja Menaiktaraf Muka Sauk Di Sungai Teluk Awak Dan Pemasangan Paip Air Mentah Dan Stesen Pam Dari Muka Sauk Teluk Awak Ke Empangan | Projek | 12,000,000 | 1,500,000 | Bahagian Kawal Selia Air Pulau Pinang |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|--|----------------------------|--|---|---------------------------------------|
| | Teluk Bahang, Pulau Pinang | | | | |
| 4. | Kajian Awalan Terhadap Air Laut Sebagai Sumber Air Alternatif Jangka Masa Panjang Melalui Proses Rawatan Penyahgaraman (<i>Desalination</i>) | Projek (Kajian) | 3,000,000 | 1,400,000 | Bahagian Kawal Selia Air Pulau Pinang |
| 5. | Menaik Taraf Infrastruktur Pengairan Dan Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Blok K5 Dan K6 Skim Pengairan Sungai Kulim, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | Projek | 114,850,000 | 500,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| 6. | Menaiktaraf Infrastruktur Pengairan Dan Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Skim Pengairan Tok Bedu, Air Melintas Dan Jarak Tengah, | Projek | 13,830,000 | 500,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|--|----------------------------|--|---|-------------------------------|
| | Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | | | | |
| 7. | Menaik Taraf Infrastruktur Pengairan Dan Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Blok 27, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang | Projek | 13,400,000 | 500,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| 8. | Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Pulau Pinang (PULAU) | Projek (Kajian) | 4,800,000 | 1,120,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| 9. | Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | Projek (Kajian) | 4,100,000 | 1,180,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| 10. | Kerja-Kerja Pembinaan Dan Pembaikan Ban Pantai Di Pesisir Pantai Kampung Bagan Lebai Tahir Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan, Daerah | Projek | 10,506,000 | 321,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|-------------------------------------|
| | Seberang Perai Utara, Pulau Pinang | | | | |
| 11. | Projek Pemuliharaan Sungai Juru Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | Projek | 64,016,300 | 300,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| 12. | Rancangan Tebatan Banjir Sungai Perai, Pulau Pinang (Fasa 2) | Projek | 260,000,000 | 200,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| 13. | Projek Tebatan Banjir Sungai Kelang Ubi, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | Projek | 100,000,000 | 200,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| 14. | Projek Pembinaan Struktur Mencegah Hakisan Pantai Di Pengkalan Nelayan Paramount, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang | Projek | 24,419,200 | 250,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| 15. | Menaiktaraf Infrastruktur Mekanikal Dan Elektrikal (M&E) | Projek | 24,085,000 | 100,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|--|----------------------------|--|---|-------------------------------|
| | Untuk Kawalan Banjir Negeri Pulau Pinang | | | | |
| 16. | Rancangan Tebatan Banjir Sungai Nyiur SPU | Projek | 161,000,000 | 200,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| 17. | Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir RMK13 Pulau Pinang | Projek | 27,340,000 | 5,000,000 | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| Jumlah (RM) | | | 963,846,500 | 15,771,000 | |

J) KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|--|----------------------------|--|---|---|
| 1. | Pelabuhan Tuna Pulau Pinang: Hab Perikanan Global | Projek | 300,000,000 | 130,000,000 | Penang Agrotech Sdn. Bhd. |
| 2. | Bandar Nelayan Pulau Pinang | Projek | 200,000,000 | 50,000,000 | Penang Agrotech Sdn. Bhd. |
| 3. | Program Sawah Mutuara | Program | 10,000,000 | 2,000,000 | Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang |
| 4. | Program Produktiviti Sayuran Terpilih Dan Tanaman Berpotensi | Program | 10,000,000 | 2,000,000 | Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang |
| 5. | Program Pembangunan Produktiviti Buah- Buahan Premium | Program | 10,000,000 | 2,000,000 | Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|---|----------------------------|--|---|---------------------------------------|
| 6. | Program Pengiktirafan Pensijilan Pengeluaran Agromakanan | Program | 5,000,000 | 1,000,000 | Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang |
| 7. | Program Pemerksaan Usahawan Industri Asas Tani 'From Home To Industry' | Program | 1,500,000 | 600,000 | Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang |
| 8. | Pembangunan Pusat Kecemerlangan Teknologi Pertanian Dan Zon Pemprosesan Makanan (ZPM) Negeri Pulau Pinang | Projek | 3,000,000 | 500,000 | Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang |
| 9. | Program Pengukuhan Aktiviti Pengembangan Pertanian | Program | 1,850,000 | 330,000 | Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang |
| Jumlah (RM) | | | 541,350,000 | 188,430,000 | |

K) KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|------|--|--------------------|--|----------------------------------|-------------------|
| 1. | Pembinaan Jalan Bawah (<i>Underpass</i>) Untuk Menghubungkan Jalan Mount Erskine Ke Jalan Burma Di Persimpangan Jalan Mount Erskine/ Jalan Gottlieb/ Jalan Burma/ Jalan Bagan Jermal Seksyen A: Jalan Bawah (<i>Underpass</i>) | Projek | 25,000,000 | 3,750,000 | MBPP |
| 2. | Projek Menaik Taraf Aliran Lalulintas Di Kawasan KOMTAR Dan Sebahagian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu Dari Gat Lebuh Cecil Ke Pengkalan Weld, Pulau Pinang | Projek | 54,450,000 | 8,000,000 | MBPP |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|---------------------------|
| 3. | Menaiktaraf Persimpangan Jalan Kelawei/ Jalan Tanjong Tokong/ Jalan Bagan Jermal Dan Pembinaan Underpass Dari Jalan Kelawei Ke Jalan Tanjong Tokong | Projek | 30,000,000 | 1,000,000 | MBPP |
| 4. | Pembinaan Esplanade Fasa 2 Dari Bangunan Medan Renong Padang Kota Lama Ke Gat Lebu Leith | Projek | 18,000,000 | 2,000,000 | MBPP |
| 5. | Cadangan Membina Sebuah Kompleks Pasar Awam Teluk Kumbar, Di Atas Lot 908, Jalan Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang | Projek | 27,500,000 | 16,000,000 | MBPP |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|---|----------------------------|--|---|----------------------------|
| 6. | Cadangan Kerja-Kerja Pemuliharaan Bangunan Pasar Di Atas Lot 205 (Lot Baru 10000) Dan 945 (Lot Baru 10001) Serta Cadangan Pembangunan Semula Di Atas Lot 426, 943, 947, 948, 949 Dan Sebahagian Lot 945, Lebuh Campbell, Sek.18, George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang | Projek | 30,000,000 | 13,000,000 | MBPP |
| 7. | Kajian Pengurusan Lalulintas Negeri Pulau Pinang | Projek (Kajian) | 800,000 | 400,000 | Plan Malaysia Pulau Pinang |
| 8. | Kajian Guna Tanah Sumber Makanan Negeri (KAGUM) | Projek (Kajian) | 500,000 | 500,000 | Plan Malaysia Pulau Pinang |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|--|----------------------------|--|---|------------------------------|
| 9. | Projek Pembangunan Taman Bandaraya Taman Wawasan (Vision Park) Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan, Bertam, Seberang Perai Utara Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai | Projek | 30,000,000 | 10,000,000 | Jabatan Landskap/ MBSP |
| 10. | Projek Penggantian Lampu Jalan Jenis "High Pressure Sodium Vapour (Hpsv)" Kepada Lampu Jalan Jenis "Light Emitting Diode (Led)" Untuk Seluruh Kawasan Seberang Perai, Pulau Pinang | Projek | 50,000,000 | 10,000,000 | Jabatan Kejuruteraan MBSP |
| 11. | Projek Menaiktaraf Pencahayaan Lampu Jalan Di sepanjang Jalan Utama Perusahaan Perai, Pulau Pinang | Projek | 3,000,000 | 3,000,000 | Jabatan Kejuruteraan MBSP |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|-------------|--|----------------------------|--|---|---|
| 12. | Projek Menaiktaraf Pencahayaannya Lampu Jalan Di sepanjang Jalan Utama Perindustrian Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | Projek | 3,000,000 | 3,000,000 | Jabatan Kejuruteraan MBSP |
| 13. | Projek Penambahbaikan Sistem Pam Kawalan Banjir Di Kawasan Perindustrian Perai Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | Projek | 2,200,000 | 1,000,000 | Majlis Bandaraya Seberang Perai |
| 14. | Kajian Sistem Pam Kawalan Banjir Di Kawasan Taman Mangga Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | Projek (Kajian) | 2,000,000 | 500,000 | Kejuruteraan/ Majlis Bandaraya Seberang Perai |

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|--|----------------------------|--|---|---------------------------------|
| 15. | Projek Penambahbaikan Sistem Pam Kawalan Banjir Di Kawasan Sri Rambai Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang | Projek | 5,600,000 | 450,000 | Majlis Bandaraya Seberang Perai |
| 16. | Kerja Pembaikan Dan Naik Taraf Gerai Berhadapan Tropical Spice, Teluk Bahang Dan Kerja Berkaitan | Projek | 500,000 | 500,000 | Majlis Bandaraya Pulau Pinang |
| 17. | Bina Baru Gerai Di Pantai Hujung Batu, Teluk Bahang Dan Kerja Berkaitan | Projek | 500,000 | 500,000 | Majlis Bandaraya Pulau Pinang |
| Jumlah (RM) | | | 283,050,000 | 73,600,000 | |

L) KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|--|--------------------|--|----------------------------------|-------------------|
| 1. | Naik Taraf Pusat Sains | Projek | 2,000,000 | 2,000,000 | Tech Dome Penang |
| 2. | <i>Smartkids Zone</i> | Projek | 8,000,000 | 8,000,000 | Tech Dome Penang |
| 3. | <i>Advanced Technology Research Acceleration Programme</i> | Program | 20,000,000 | 4,000,000 | Digital Penang |
| 4. | <i>Greentech And Climatetech Sandbox @ Penang</i> | Program | 10,000,000 | 4,000,000 | Digital Penang |
| 5. | <i>Software Test Centre Of Excellence (STCOE)</i> | Program | 5,000,000 | 1,000,000 | Digital Penang |
| Jumlah (RM) | | | 45,000,000 | 19,000,000 | |

M) KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

| Bil. | Perkara | Projek/ Program | Anggaran Kos Keseluruhan (RM) | Peruntukan Tahun 2026 (RM) | Agensi Pemohon |
|--------------------|---|----------------------------|--|---|---------------------------------|
| 1. | Skim Galakan Untuk Belia Meneruskan Pengajian Dalam Bidang TVET Berkaitan Pembuatan | Program | 33,500,000 | 6,700,000 | Penang Skill Development Centre |
| Jumlah (RM) | | | 33,500,000 | 6,700,000 | |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

13. Tapak Pelupusan Sampah Jelutong.
- (a) Apakah rasional kerajaan meluluskan pelan tambakan laut seluas 70 ekar bagi tujuan pemulihan tapak tersebut?
 - (b) Terangkan implikasi projek ini terhadap usaha kerajaan untuk mewartakan kawasan *Middle Bank* yang merupakan kawasan habitat hidupan marin dan biodiversiti penting?
 - (c) Apakah *exit strategy* sekiranya projek ini gagal?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Kerajaan Negeri meluluskan pelan tambakan laut seluas 70 ekar untuk dijadikan platform kerja semasa kerja-kerja pemulihan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ). Struktur TPSJ adalah tidak selamat kerana telah lama menjadi kawasan pembuangan sampah secara terbuka.
- (b) Merujuk kepada Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), projek ini tidak mengganggu kawasan *Middle Bank*. Melalui pewartaan *Middle Bank*, ia akan menjadikan kawasan tersebut sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Sebarang pelaksanaan projek berdekatan KSAS (lingkungan 500 meter) adalah memerlukan Laporan EIA Jadual Kedua. Ini akan memberi kesan kepada pembangunan yang telah dirancang di sepanjang kawasan pewartaan.

- (c) Proses pembatalan *Joint Development Agreement* (JDA) perlu dilakukan sekiranya projek ini gagal dilaksanakan. Tender baharu akan dibuka semula mengikut tatacara perolehan secara *Request for Proposal* (RFP) atau tender terbuka. Terdapat risiko tuntutan dan tindakan perundangan oleh pihak pemaju terhadap Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Pihak pemaju baharu tidak boleh mengambil alih kerja-kerja ditapak sehingga prosedur undang-undang selesai yang mana dijangka akan mengambil masa tiga (3) sehingga lima (5) tahun.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

14. *Soft power.*

- (a) Terangkan usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasa George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO dan Penang bagi tujuan diplomasi budaya dan pelancongan antarabangsa.
- (b) Nyatakan secara terperinci tentang rancangan dan hala tuju *George Town Festival* dan *George Town Literary Festival 2025*.
- (c) Bagaimanakah elemen *soft power* dapat dimasukkan dalam pelaksanaan festival-festival tersebut?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan Pulau Pinang bagi tujuan diplomasi budaya dan pelancongan antarabangsa adalah dengan penganjuran acara-acara seni serta kebudayaan bertaraf antarabangsa seperti *George Town Festival (GTF)*, *George Town Literary Festival (GTLF)*, Bon Odori, Chap Goh Mei, *Penang International Food Festival* serta pelbagai festival yang lain di kawasan tapak warisan George Town.

GTF merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh *George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)* dengan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. GTF adalah sebuah festival seni yang mempamerkan pelbagai acara seni dan kini menjadi

salah satu festival terkemuka di rantau Asia. GTF juga telah meraih perhatian di peringkat antarabangsa. Sejak penganjurannya, festival ini telah disertai oleh artis-artis antarabangsa dan artis tempatan.

GTF 2025 akan berlangsung dari 2 hingga 10 Ogos 2025. GTF akan bekerjasama dengan duta-duta luar negara untuk membawa masuk persembahan dari negara-negara tersebut sepanjang tempoh festival. Antara agensi luar negara yang akan terlibat bagi tahun 2025 adalah seperti *Agency for Cultural Affairs* (Jepun), *Australian High Commission*, *Hong Kong Economic and Trade Office*, *Embassy of Spain in Malaysia*, *Taipei Economic and Cultural Office in Malaysia* dan *National Arts Council* (Singapura).

Di samping itu, sepanjang tempoh *Open Call for Proposal*, sebanyak 225 kertas cadangan daripada pelbagai negara telah diterima bagi GTF 2025. Kertas-kertas cadangan tersebut diterima daripada negara-negara Argentina, Armenia, Australia, Belgium, Brazil, Bulgaria, Kanada, China, Denmark, England, Finland, Jerman, India, Indonesia, Iran, Itali, Jepun, Malaysia, Filipina, Poland, Portugal, Romania, Singapura, Republik Korea, Sepanyol, Taiwan, Thailand, Turkiye, Amerika Syarikat dan Vietnam.

- (b) Tema GTF 2025 adalah *Connection* iaitu menonjolkan hubungan seni dengan pengalaman manusia. Festival ini memberi fokus kepada kolaborasi antara artis tempatan dan antarabangsa, penglibatan komuniti dan penggunaan lokasi bersejarah di George Town. Selain persembahan fizikal, festival ini juga memperluaskan capaian melalui platform digital. Identiti visual baharu turut diperkenalkan untuk menyerlahkan warisan Pulau Pinang. GTF 2025 bertujuan memperkukuhkan peranan George Town sebagai hab seni dan budaya serantau yang dinamik dan inklusif.

Antara matlamat utama penganjuran GTF 2025 adalah untuk menampilkan persembahan dan pameran antarabangsa bagi mendedahkan karya seni tersebut kepada artis tempatan. Selain daripada pertunjukan, bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh artis luar negara juga dapat memberi ilham serta memperkaya pengetahuan artis tempatan dan masyarakat setempat. Melalui usaha ini, kita dapat memperkasa dan

meningkatkan taraf seni, bukan sahaja di Pulau Pinang, malah di seluruh Malaysia.

GTLF pula ialah festival sastera antarabangsa tahunan yang diadakan di tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang, Malaysia. Ia telah berkembang menjadi festival sastera antarabangsa terbesar di Malaysia sejak edisi sulung yang diadakan pada tahun 2011. GTLF menampilkan program-program seperti forum, pelancaran buku, pameran, tayangan filem, dan bengkel. Sesi-sesi ini sering kali mendalami isu-isu global melalui seni penulisan.

Bagi edisi 2025, GTLF akan diadakan pada 28 hingga 30 November 2025. Tema dan senarai penceramah masih belum dimuktamadkan lagi.

- (c) Kerjasama antara GTF dan pejabat-pejabat duta yang berada di Malaysia serta artis luar negara sepanjang festival ini, bukan sahaja dapat merapatkan hubungan diplomatik, malah ia juga menyerlahkan kepelbagaian dan pertukaran budaya. Dengan kerjasama sebegini, ia membuka ruang untuk pertukaran budaya dan ekspresi kreatif dalam kalangan komuniti setempat.

Sebagai sebahagian daripada program jangkauan komuniti, GTF 2024 telah membawa seni ke kawasan seperti Taman Sri Janggus di Machang Bubok dan Bukit Tambun. Inisiatif ini melibatkan kolaborasi dengan kumpulan seni tempatan dan transformasi persekitaran setempat, dengan pengetahuan dan bimbingan daripada artis luar negara.

Hasil daripada residensi ini dipersembahkan semasa GTF 2024 yang berlangsung dari 19 hingga 28 Julai 2024. Artis seperti Juan Arminandi dari Indonesia menghasilkan pameran solo *Hybrid Frequency Penang* manakala Charuwan Noprumpa dari Thailand mempersembahkan *From Somewhere Inside* yang menggabungkan perbualan dengan penduduk tempatan ke dalam proses kreatif mereka.

Program ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman seni di George Town, tetapi juga memperkukuhkan hubungan antara seni dan komuniti setempat, menjadikan GTF 2024

sebagai platform dinamik untuk pertukaran budaya dan ekspresi kreatif.

Festival ini juga memberi manfaat kepada rakyat tempatan, dengan 60% daripada acara yang dianjurkan adalah percuma.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

15. Creative economy.

- (a) Senaraikan nama artis, pengarah filem, penulis dan penggiat kreatif luar negara yang kini tinggal di Pulau Pinang untuk menghasilkan *creative ecosystem mapping*.
- (b) Bagaimanakah kerajaan memastikan artis dan penggiat kreatif antarabangsa menyumbang kepada ekosistem seni tempatan dan pembangunan budaya yang lestari seperti kelas mural kerjasama dengan sekolah?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan senarai nama artis, pengarah filem, penulis dan penggiat kreatif luar negara yang kini tinggal di Pulau Pinang.
- (b) Melalui penganjuran acara seperti George Town Festival, persembahan dan pameran antarabangsa dapat mendedahkan karya seni bertaraf dunia kepada artis tempatan. Selain daripada pertunjukan, bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh artis luar negara juga dapat memberi ilham serta memperkaya pengetahuan artis tempatan dan komuniti setempat. Melalui usaha ini, kita dapat memperkasa dan meningkatkan taraf seni, bukan sahaja di Pulau Pinang, malah di seluruh Malaysia. Bagi meningkatkan penyertaan komuniti

setempat, sebanyak 60% daripada program yang dianjurkan akan ditawarkan secara percuma.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

16. *Semiconductor powerhouse.*

- (a) Terangkan pelan serta KPI yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri untuk memantapkan ekosistem semikonduktor dari *back-end* ke *front-end*.
- (b) Sejauh manakah Penang Silicon Design @ 5KM+ dapat ditonjolkan dalam peta industri teknologi tinggi serta mempromosikan keupayaan negeri dalam industri semikonduktor khususnya dalam pergolakan geopolitik global?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. (a) Berikut adalah strategi dan usaha-usaha Kerajaan Negeri yang telah berjaya memantapkan ekosistem semikonduktor daripada *back-end* kepada *front-end*.

- (i) Penglibatan dalam Strategi Semikonduktor Nasional:

Kerajaan Negeri terlibat secara aktif dalam pelaksanaan Strategi Semikonduktor Nasional melalui kerjasama dan sinergi bersama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti MITI, MIDA, MDEC dan TalentCorp. Lawatan ke ibu pejabat dan mesyuarat bersama pihak pengurusan tertinggi agensi-agensi ini diadakan dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan usaha promosi pelaburan serta pembangunan sumber manusia, khususnya untuk menyokong keperluan industri *front-end* semikonduktor yang kian berkembang.

(ii) Penarikan Pelaburan Strategik:

Fokus pelaburan baharu ditumpukan kepada projek-projek strategik yang berimpak tinggi dari segi teknologi, kemahiran tenaga kerja tempatan dan pengembangan ekosistem. Nilai tawaran (*value proposition*) Pulau Pinang lebih cenderung kepada projek berintensifkan ilmu, R&D, reka bentuk litar bersepadu (*IC design*), *advanced packaging*, *artificial intelligence (AI)* dan seumpamanya. Penekanan diberikan kepada pelaburan dalam sektor *front-end* semikonduktor, elektrik dan elektronik, jentera dan peralatan, serta teknologi perubatan. Projek yang bergantung kepada tenaga kerja tidak mahir dalam jumlah besar tidak lagi sesuai dilaksanakan di Pulau Pinang.

(iii) Pemeraksanaan Infrastruktur Industri:

Kerajaan Negeri, melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, giat membangunkan taman-taman perindustrian baharu lengkap dengan infrastruktur bertaraf antarabangsa, antaranya Taman Teknologi Bandar Cassia (Bandar Cassia Technology Park), Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) dan Penang Science Park South (PSPS). Ketiga-tiga lokasi ini melibatkan lebih 800 ekar tanah untuk menampung permintaan pelabur dalam sektor *front-end* semikonduktor. Projek-projek pembangunan infrastruktur awam utama seperti Menara Penghantaran Monopole TNB bersebelahan Jambatan Pulau Pinang dan pembangunan semula Stesen Janakuasa Gelugor bagi mengukuhkan bekalan elektrik di negeri ini, Pelan Kotigensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) bagi memastikan keselamatan bekalan air di negeri ini, projek LRT Laluan Mutiara, projek naik taraf dan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang serta Projek Pulau Silikon turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan keyakinan pelabur.

(iv) Pengukuhan Rantaian Bekalan Tempatan:

Pembangunan ekosistem semikonduktor dan penyumberan tempatan rantaian bekalan juga diberikan

perhatian khusus semasa penarikan pelabur asing dalam industri semikonduktor ke dalam negeri. Agensi-agensi Kerajaan Negeri terutamanya InvestPenang telah pun mengambil beberapa inisiatif penting dalam mewujudkan platform kerjasama seperti penganjuran Hari Pembekal, Hari Padanan Perniagaan, "Venture Capital Forum", program-program pembangunan industri semikonduktor bersama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan sebagainya. Ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk melengkapkan ekosistem pembuatan dan memupuk kerjasama diantara pelabur asing dengan syarikat tempatan terutama dalam bidang "*front-end*" semikonduktor. Pelabur-pelabur asing juga digalakkan untuk menyumber bahan mentah atau proses pembuatan mereka daripada pasaran tempatan dan secara tidak langsung membantu pembangunan syarikat tempatan secara langsung.

(v) Program Sokongan Pelabur (*Hand Holding*):

InvestPenang menyediakan program sokongan menyeluruh kepada pelabur baharu dalam sektor *front-end*, termasuk bantuan sokongan dan kemudahan untuk memudahkan pelabur menubuhkan syarikat perniagaan, mendapatkan lesen-lesen yang berkaitan, membina/menyewa bangunan kilang yang baru, mendapatkan pembekal-pembekal tempatan dan memulakan operasi pengilangan. Selain daripada pelabur baru, perkhidmatan "*hand holding*" ini juga turut ditawarkan kepada pelabur yang telah lama beroperasi dan ingin mengembangkan perniagaan mereka di Pulau Pinang. Ini adalah untuk memastikan kesenangan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan pesaing-pesaing utama seperti negara Singapura, Vietnam, Thailand, Indonesia dan lain-lain negara lagi.

(vi) Kehadiran Pelabur Utama:

Hasil usaha ini, Syarikat Lam Research dari Amerika Syarikat iaitu pembekal peralatan dan perkhidmatan fabrikasi wafer global untuk "*front-end*" semikonduktor

telah memulakan operasi di Batu Kawan sejak 2021. Kehadiran, Syarikat Lam Research di Batu Kawan telah mewujudkan peluang rantai bekalan kepada syarikat tempatan seperti VAT Manufacturing Malaysia, UWC Berhad dan KEMIKON. Selain itu, terdapat lebih kurang 20 buah syarikat pembekal tempatan telah menjadi pembekal kepada Syarikat Applied Materials (salah satu pembekal peralatan semikonduktor *front-end* seperti Lam Research), meskipun tapak pembuatan Applied Material yang terdekat terletak di Negara Singapura. Ini adalah sebahagian daripada pencapaian Kerajaan Negeri untuk membangunkan ekosistem semikonduktor yang mantap daripada *back-end* kepada *front-end*.

(vii) Inisiatif Penang Silicon Design @5KM+:

Inisiatif ini bertemakan Memacu Revolusi AI ini merangkumi tiga komponen utama, iaitu Penang IC Design & Digital Park, Penang Chip Design Academy (PCDA), dan Silicon Research and Incubation Space. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh ekosistem inovasi dan keusahawanan dalam bidang teknologi semikonduktor serta kecerdasan buatan (AI). Antara sasaran utama inisiatif ini termasuklah pewujudan 10,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, peningkatan kemahiran sekurang-kurangnya 500 graduan jurutera, serta pembangunan 10 syarikat tempatan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa dalam bidang reka bentuk litar bersepadu (IC).

(b) Penang Silicon Design @5KM+ (PSD@5KM+) berpotensi besar untuk ditonjolkan sebagai pemacu strategik dalam memperkukuh kedudukan Pulau Pinang serta Malaysia di peta industri teknologi tinggi global, khususnya dalam sektor semikonduktor yang kini berdepan pergolakan geopolitik yang semakin mencabar. Antara pendekatan dan justifikasi yang menunjukkan bagaimana inisiatif ini mampu memperkukuh serta mempromosikan keupayaan negeri dalam industri semikonduktor adalah seperti berikut:

(i) PSD@5KM+ sebagai Penempatan Strategik dalam Rantai Nilai Semikonduktor Global

Inisiatif PSD@5KM+ berperanan memperluas peranan Pulau Pinang daripada sekadar menjadi pusat atau hab bagi aktiviti pemasangan, ujian dan pembungkusan (*assembly, testing and packaging*) yang merupakan segmen belakang rantai nilai atau *back-end* dan berintensifkan buruh, kepada segmen hadapan atau *front-end* yang bernilai tinggi.

Segmen ini merangkumi aktiviti seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta reka bentuk litar bersepadu (integrated circuit, IC) yang memerlukan kepakaran berkemahiran tinggi, penggunaan teknologi termaju dan pelaburan modal yang signifikan.

Pendekatan ini bukan sahaja mampu meningkatkan profil teknologi negeri, malah sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk memposisikan Malaysia sebagai pemain yang lebih kompetitif dalam sektor teknologi tinggi di peringkat global.

(ii) Pulau Pinang sebagai Destinasi Pilihan dalam Strategi Diversifikasi Global

Akibat daripada pergolakan geopolitik, sektor semikonduktor Malaysia berpotensi untuk mendapat manfaat kerana keadaan ini mendorong syarikat-syarikat global untuk mempelbagaikan lokasi operasi dan rantai bekalan mereka kepada lokasi alternatif yang lebih stabil dan berdaya saing. Malaysia, khususnya Pulau Pinang, telah muncul sebagai destinasi pilihan dalam strategi "China+1" berikutan faktor kestabilan politik, dasar yang mesra pelabur, serta ekosistem semikonduktor yang matang. PSD@5KM+, kini muncul sebagai titik tumpuan baharu bagi pelaburan dalam reka bentuk dan inovasi cip, terutamanya bagi pelabur yang ingin mengurangkan pergantungan kepada China tetapi masih kekal berdaya saing di Asia.

Selain itu, kehadiran pelabur baharu juga seperti Alchip dan Microsoft, serta peluasan operasi oleh syarikat-syarikat terkemuka seperti AMD dan Celestica di Penang IC Design & Digital Park, membuktikan daya

tarikan PSD@5KM+ sebagai pusat teknologi global. Kehadiran pemain industri ini dijangka memberi kesan limpahan kepada syarikat pemula tempatan, memacu inovasi serta mewujudkan peluang pekerjaan dan kolaborasi industri.

(iii) Model Kluster Ekosistem Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC) Yang Menyeluruh

PSD@5KM+ berpotensi diketengahkan sebagai model kluster ekosistem reka bentuk litar bersepadu (IC) yang menyeluruh, fokus, bersepadu dan berimpak tinggi. Inisiatif ini menggabungkan ruang kerja, latihan bakat, infrastruktur digital, penyelidikan dan sokongan inkubasi dalam satu zon khusus yang menawarkan ekosistem lengkap serta kepakaran dalam keseluruhan rangkaian aktiviti, daripada reka bentuk awal (IC Design) sehingga ke pengenalan produk baharu (New Product Introduction, NPI). Ini termasuk proses reka bentuk, *tape-out*, pelaksanaan MPW (Multi Project Wafer), pembungkusan (*packaging*), pembangunan papan penilaian (*evaluation board*), pengesahan pasca-silikon (*post-silicon validation*) dan persediaan untuk pengeluaran.

Melalui kerjasama dengan 17 rakan kolaborasi teknologi terkemuka, antaranya seperti Cadence, Synopsys, XFab, Keysight, MIMOS, National Instruments dan Contacthings, PSD@5KM+ telah menyediakan akses kepada kemudahan dan kepakaran ini bagi menyokong pertumbuhan syarikat pemula tempatan. Ini sekali gus mempercepatkan kitaran pembangunan produk dan penembusan ke pasaran global.

Dengan penyelarasan dasar yang proaktif, pelaksanaan yang pantas, serta ekosistem yang sudah matang dalam sektor Elektronik dan Elektrik (E&E), PSD@5KM+ membolehkan pemain tempatan mempercepatkan kemasukan ke pasaran global dan mempercepatkan inovasi dengan menjalin kerjasama dengan syarikat global. Kluster ini bukan sahaja menyokong pelabur besar, tetapi juga membuka peluang untuk syarikat pemula teknologi dan pusat penyelidikan berkembang

dalam persekitaran yang dinamik.

Pendekatan ini sekali gus menjadikan Pulau Pinang setanding dengan pusat teknologi global seperti Taiwan namun dalam skala yang lebih fokus kerana ia mampu membina kluster teknologi tinggi dengan ekosistem lengkap bagi menyokong inovasi tempatan dan mempercepatkan pembangunan produk.

(iv) Pembangunan Bakat dan Inovasi

Dalam suasana geopolitik yang tidak menentu, keupayaan Pulau Pinang untuk kekal relevan dalam industri semikonduktor global bergantung kepada kebolehannya melahirkan bakat tempatan dan memacu inovasi. Melalui inisiatif PSD@5KM+, negeri ini memberi tumpuan khusus kepada pembangunan tenaga mahir serta sokongan kepada syarikat pemula tempatan. Pendekatan ini sejajar dengan hala tuju negara untuk meningkatkan pelaburan dalam pembangunan modal insan berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, dan reka bentuk semikonduktor. Pendekatan ini dilihat sebagai kunci kepada daya saing negara dalam jangka panjang.

Penang Chip Design Academy (PCDA), di bawah inisiatif PSD@5KM+, dibangunkan dengan kerjasama PSDC bagi meningkatkan kemahiran (*upskill*) dan melatih semula (*reskill*) para profesional yang sedang bekerja serta graduan baru. Ini bertujuan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran reka bentuk IC yang relevan dan diperlukan dalam industri. Melalui kursus dan latihan *IC Design Mastery*, yang meliputi teori dan pengalaman praktikal dalam aspek seperti *physical design, verification, custom layout, dan analog circuits* inisiatif ini dijangka mampu melatih sekurang-kurangnya 500 graduan baharu yang bakal menjadi jurutera reka bentuk IC yang memenuhi keperluan industri yang semakin berkembang. Keperluan ini amat penting bagi menarik pelabur asing yang ingin memindahkan operasi mereka ke lokasi yang lebih stabil dan berdaya saing.

Selain daripada menjadi model kluster ekosistem reka bentuk litar bersepadu (IC) yang menyeluruh, *Silicon Research & Incubation Space* sebagai pusat sehenti atau “*one-stop centre*” juga menawarkan pakej insentif dan menyediakan kemudahan sokongan, termasuk akses kepada ruang kerja kolaboratif, perkhidmatan serta peralatan *EDA Tools*, program sokongan pembiayaan (*venture capital*) dan bimbingan untuk menyokong pertumbuhan syarikat permulaan dalam bidang reka bentuk IC. Ini turut membantu dalam pembangunan produk baharu, memperkukuh ekosistem inovasi dan seterusnya meningkatkan sumbangan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Kesimpulannya, melalui PSD@5KM+, Pulau Pinang sedang memainkan peranan penting dalam membentuk semula landskap industri semikonduktor Malaysia iaitu daripada lokasi *back-end* kepada hab teknologi reka bentuk cip bertaraf dunia di peringkat *front-end*. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong matlamat *National Semiconductor Strategy* (NSS), malah menyahut seruan agar Malaysia meningkatkan keupayaan teknologi, membina ekosistem inovasi dan memastikan pembangunan bakat tempatan secara mampan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

17. Bantuan MyKasih.

- (a) Senaraikan bilangan isi rumah penerima MyKasih mengikut KADUN serta kategori yang ditetapkan.
- (b) Senaraikan pasar raya dan kedai yang boleh dituntut bantuan mengikut KADUN di seluruh Negeri Pulau Pinang.
- (c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bahawa penerima warga emas dan OKU mendapat manfaat daripada program ini secara adil dan efisien?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Sumbangan Asas Rahmah (SARA) atau bantuan MyKasih merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia, yang dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan MyKasih. Untuk makluman, program ini bukan di bawah inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Program SARA merupakan lanjutan kepada program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) di bawah Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2025 yang bertujuan membantu golongan miskin dan miskin tegar. Penyaluran secara tanpa tunai melalui MyKad (IC) penerima, membolehkan penerima membeli barangan keperluan asas berlabel MyKasih seperti makanan asas, barangan kebersihan diri, ubat-ubatan dan peralatan persekolahan di pasaraya yang terpilih (berdaftar) dengan menggunakan MyKad (IC).

- (a) Pihak yang berkenaan tidak mempunyai pecahan data mengikut KADUN atau daerah. Walaubagaimanapun, bilangan isi rumah penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA) – MyKasih 2025 di Negeri Pulau Pinang adalah seramai **293,522** orang. Butiran pecahan adalah seperti berikut:

| Bil | Kategori Penerima | Bilangan Isi Rumah Penerima |
|-----|---|-----------------------------|
| 1. | Penerima yang lulus STR dan berstatus eKasih: <ul style="list-style-type: none"> • Bujang, • Isi Rumah • Warga Emas Tiada Pasangan | 32,734 |
| 2. | Penerima yang lulus STR dan tidak berstatus eKasih: <ul style="list-style-type: none"> • Isi Rumah • Warga Emas Tiada Pasangan | 260,788 |

- (b) Sehingga 5 Mei 2025, terdapat 177 pasar raya/kedai runcit yang merupakan Rakan Niaga SARA di Pulau Pinang. Senarai penuh lokasi boleh didapati di www.mykasih.com.my.
- (c) Walaupun Sumbangan Asas Rahmah (SARA) merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri melalui Pusat Khidmat ADUN dan Parlimen, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP), Relanita, serta NGO tempatan turut membantu dalam menyebarkan maklumat berkaitan bantuan SARA kepada kumpulan sasar di komuniti masing-masing. Inisiatif ini adalah untuk memastikan manfaat SARA disampaikan dengan efisien kepada seluruh rakyat Pulau Pinang yang berkelayakan jua.

Selain itu, jaringan komuniti ini juga membantu mengenal pasti dan mendaftarkan individu yang berkelayakan tetapi tercicir daripada sistem eKasih, terutamanya golongan OKU dan golongan warga emas yang berkemungkinan kurang celik digital atau tinggal bersendirian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

18. Empat projek tambahan bekalan air.
- (a) Terangkan status terkini tentang keempat-empat projek tersebut termasuk garis masa dan anggaran kos bagi pelaksanaan projek-projek tersebut.
 - (b) Sejauh manakah pembinaan loji rawatan air di Empangan Mengkuang berfungsi sebagai komponen utama dalam pelan kontingensi air?
 - (c) Apakah jangka masa pendek sementara menunggu projek siap?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Empat projek tersebut merupakan projek infrastruktur bekalan air yang dimohon oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan keselamatan dan kelestarian bekalan air Pulau Pinang. Status terkini tentang keempat-empat projek tersebut termasuk garis masa dan anggaran kos bagi pelaksanaan projek-projek tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Pembinaan LRA Mengkuang Park dengan kapasiti 114 JLH adalah projek infrastruktur pembangunan bekalan air di bawah Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030) yang bertujuan menjana sebanyak 608 JLH secara keseluruhan bagi menampung keperluan air di Pulau Pinang menjelang tahun 2030. Pengeluaran yang direka bentuk untuk LRA Mengkuang

sebanyak 114 JLH akan disambungkan ke rangkaian bekalan sediaada yang turut membekalkan air ke Daerah Seberang Perai Selatan. Dengan pertambahan sebanyak 114 JLH ke dalam sistem rangkaian bekalan ini akan dapat meningkatkan kapasiti agihan ke kawasan-kawasan agihan bukan sahaja Mukim 5, Sungai Bakap malah keseluruhan Pulau Pinang. Projek ini juga dijangka dapat meningkatkan tekanan air yang lebih baik kepada pengguna.

- (c) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil langkah berikut untuk jangka masa pendek sementara menunggu projek siap :-
 - (i) Mengurangkan LCD melalui kempen *Save Water* dan
 - (ii) Pemasangan 'constant valve' (atau dikenali juga sebagai *pressure-reducing valve, control valve, atau flow control valve*) di kilang atau industri untuk mengawal aliran dan tekanan dalam sistem paip

Selain itu, menerusi pelaksanaan projek WCP 2030 dan projek pemindahan air dari Sungai Perak akan memastikan bekalan air Pulau Pinang kekal kukuh, stabil, dan mampan untuk menghadapi cabaran perubahan iklim dan pertumbuhan masa hadapan.

LAMPIRAN A

| No. | Projek | Status | Anggaran Kos (RM) |
|------------|-----------------------------|---|--------------------------|
| 1 | Projek Rumah Pam Lahar Yooi | Kerajaan Negeri telah mengemukakan kertas Permohonan Notis Perubahan (NOC) bagi projek Pembesaran Empangan Mengkuang pada 30 Oktober 2024 dan beberapa maklumat tambahan melalui emel kepada pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Pihak Kementerian dalam proses semakan teknikal sebelum dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi. | 1.0 billion |
| 2 | Saluran paip Dwi-Fungsi | Projek ini termasuk di dalam skop bagi pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi. | |
| 3 | TAPS Sungai Kerian | Kajian Pembangunan Sumber Air Mentah Dari Lembangan Sungai Kerian Termasuk Kebolehlaksanaan Pembesaran Empangan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang sedang dilaksanakan oleh pihak perunding RPM Engineers yang dilantik oleh BBA, PETRA. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti lokasi yang berpotensi bagi keperluan TAPS dan keperluan teknikal dari segi rekabentuk. Jangkaan siap : Oktober 2026 | 3 juta |

LAMPIRAN A

| No. | Projek | Status | Anggaran Kos (RM) |
|------------|------------------|--|--------------------------|
| 4 | TAPS Sungai Muda | <p>Kajian Pembangunan Sumber Air Mentah Dari Lembangan Sungai Kerian Termasuk Kebolehlaksanaan Pembesaran Empangan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang sedang dilaksanakan oleh pihak perunding RPM Engineers yang dilantik oleh BBA, PETRA. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti lokasi yang berpotensi bagi keperluan TAPS dan keperluan teknikal dari segi rekabentuk.</p> <p>Jangkaan siap : Oktober 2026</p> | |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

19. Paip air usang dan NRW.

- (a) Berapakah panjang keseluruhan paip air usang yang perlu ditukar baru agar kadar NRW dapat diturunkan lagi?
- (b) Terangkan garis masa untuk PBAPP menggantikan paip usang tersebut.
- (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk merundingkan semula syarat NRW 30% untuk menerima geran daripada Kerajaan Persekutuan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. (a) Pihak PBAPP telah mengenal pasti lokasi paip-paip usang dan sering mengalami kebocoran dengan anggaran panjang paip sebanyak 155 km yang perlu ditukar baru agar kadar NRW dapat diturunkan lagi. Lokasi-lokasi yang dikenalpasti ini telah dibahagikan kepada 15 pakej kontrak perkhidmatan perunding. PBAPP telah melantik perunding untuk 7 pakej manakala baki pakej perkhidmatan perunding lagi masih di peringkat tender. Keseluruhan panjang paip usang jenis Simen Asbestos (AC) yang perlu ditukar adalah sepanjang 1,200 km.
- (b) Garis masa yang diunjurkan oleh PBAPP untuk menggantikan paip-paip usang yang telah dikenalpasti ini adalah diantara tahun 2025 – 2027.

- (c) Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah mengemukakan beberapa permohonan untuk pindaan sasaran NRW yang ditetapkan oleh SPAN berikutan kadar NRW semasa yang meningkat kepada 28% disebabkan oleh kenaikan tekanan dalam paip utama untuk membolehkan lebih banyak air dapat di pam kepada pengguna di hujung dan kawasan yang tinggi. Ini merupakan salah satu usaha PBAPP untuk merundingkan semula syarat NRW 30% bagi membolehkan penerimaan geran daripada Kerajaan Persekutuan untuk menangani isu NRW di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

20. US\$1.95 juta untuk Nature-based Climate Adaptation Projects.
- (a) Apakah kriteria yang digunakan untuk memilih Taman Lintang Nibong dan Lembangan Sungai Keluang sebagai lokasi perintis?
 - (b) Adakah kerajaan perlu memperuntukkan bajet tambahan untuk pelaksanaan projek tersebut?
 - (c) Bagaimanakah kerajaan boleh memperluaskan konsep projek tersebut ke Seberang Perai?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Projek Penang *Nature-Based Climate Adaptation Programme* (PNBCAP).
- (a) Antara kriteria-kriteria yang dipertimbangkan dalam pelaksanaan projek PNBCAP di Taman Lintang Nibong dan Lembangan Sungai Keluang adalah kedua-dua lokasi ini tidak melibatkan pengambilan tanah. Peruntukan yang diberikan oleh United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat) tersebut hanya melibatkan kerja fizikal di tapak. Selain itu, tapak-tapak tersebut turut memenuhi keperluan salah satu komponen utama iaitu memerlukan pengurusan air larian hujan dan banjir.
 - (b) Tiada peruntukan tambahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi projek PNBCAP.

- (c) Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) telah mengaplikasikan konsep *nature-based solution* (NBS) dalam setiap kajian reka bentuk projek tebatan banjir yang dilaksanakan di Pulau Pinang bermula tahun 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

21. Rare Earth Elements (REE)

- (a) Senaraikan syarikat yang telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri berkaitan penerokaan REE mengikut negara asal serta kepakaran mereka.
- (b) Apakah status terkini perbincangan dengan syarikat-syarikat tersebut?
- (c) Bagaimana Kerajaan Negeri merancang untuk menguruskan implikasi geopolitik khasnya dalam persaingan global untuk memperolehi sumber REE?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Senarai Syarikat yang telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
- (i) Zhonghe Energy Sdn. Bhd.; dan
 - (ii) MCRE Resources Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, hanya Syarikat MCRE Resources Sdn. Bhd. sahaja yang membentangkan potensi penerokaan NR-REE kepada Kerajaan Negeri dan syarikat tersebut merupakan syarikat yang menjalankan Projek Perintis Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) yang pertama di Malaysia yang terletak di Perak.

- (b) Kerajaan Negeri bersama agensi/ jabatan telah mengadakan lawatan lapangan ke Tapak Projek Perlombongan NR-REE di Kenering, Gerik, Perak yang bertujuan untuk melawat tapak projek perintis perlombongan bagi perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran berkaitan perlombongan NR-REE dengan menggunakan kaedah *In-Situ Leaching* (ISL). Pada kini, Kerajaan Negeri masih terbuka kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk meneroka NR-REE di Pulau Pinang.

- (c) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan serta syarikat tempatan dan asing dalam meneroka potensi penerokaan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di Pulau Pinang, tanpa menjejaskan kepentingan strategik negara. Pemetaan sumber oleh Jabatan Mineral dan Geosains turut diperlukan bagi mengenal pasti lokasi dan potensi sebenar NR-REE, sekali gus membantu perancangan yang lebih berkesan oleh Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

22. Projek terowong dasar laut Pulau Pinang.
- (a) Apakah kewajaran Consortium Zenith Construction (CZC) Sdn Bhd masih diberi masa untuk menghasilkan reka bentuk baharu dan membuat kajian kebolehlaksanaan?
 - (b) Adakah projek ini masih relevan dan memberi impak yang baik kepada rakyat serta pembangunan negeri?
 - (c) Terangkan *exit strategy* Kerajaan Negeri.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Reka bentuk baharu Projek Terowong Dasar Laut merupakan satu alternatif dan signifikan kepada kesinambungan dan hala tuju Projek Laluan Ketiga Pulau Pinang (*3rd Link*) ini demi kelangsungan pelaksanaannya. Reka bentuk baharu ini merupakan satu cadangan yang mempertimbangkan aspek kecekapan, kebolehlaksanaan, keberkesanan dan impak kepada sosial dan alam sekitar.

Selain itu, cadangan reka bentuk baharu juga mampu menampung kesemua jenis kenderaan dan direka sebagai ikon baharu Pulau Pinang yang bukan sahaja sebagai infrastruktur malah juga sebagai daya tarikan pelancongan kelak.

- (b) Projek ini masih relevan dan akan memberi impak yang baik kepada rakyat dan pembangunan negeri apabila aliran trafik yang tinggi bagi kedua-dua arah di Jambatan Pertama dan sekitarnya dapat dihuraikan ke jajaran projek ini sekali gus mengurangkan kesesakan trafik yang teruk di jalan-jalan akses menuju ke Jambatan Pertama.

- (c) Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih optimis dengan kebolehlaksanaan projek ini. Pun begitu, berdasarkan kepada Perjanjian *Master Agreement* bersama pihak kontraktor, Kerajaan Negeri berhak untuk membuat keputusan sama ada untuk meneruskan projek atau tidak bergantung kepada hasil kajian kebolehlaksanaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

23. Bonus 6 bulan PDC.

- (a) Terangkan mekanisme penilaian prestasi digunakan untuk menentukan kelayakan bonus.
- (b) Nyatakan sumber utama keuntungan tersebut serta bagaimana kerajaan memastikan hasil PDC dipulangkan kepada rakyat Pulau Pinang.
- (c) Senaraikan jumlah dividen, cukai atau hasil lain yang disumbangkan oleh PDC kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2020 sehingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. (a) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menggunakan penilaian prestasi sebagai mekanisme bagi menentukan kelayakan pemberian bonus kepada kakitangannya. Kakitangan yang layak adalah mereka yang mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) melebihi 75%, selaras dengan peruntukan yang ditetapkan dalam pelaksanaan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuatkuasa 1 Disember 2024. Penilaian prestasi kakitangan dilaksanakan melalui dua (2) peringkat iaitu seperti berikut:

(i) **BSC - Balance Score Card (50%)**

Setiap kakitangan ditetapkan metrik sasaran secara menyeluruh yang menggariskan pematuhan tatakelola meliputi aspek kos, masa dan kualiti yang berteraskan

empat (4) komponen utama iaitu *Financial Excellent, Customer Excellence, Operation Excellence dan People Excellence*. Sistem Pemarkahan diberikan berdasarkan kepada perbandingan pencapaian sebenar dengan sasaran yang ditetapkan pada awal tahun; dan

(ii) **SKT – Sasaran Kerja Tahunan (50%)**

Penilaian berdasarkan kekuatan personaliti, peningkatan kompetensi/ kemahiran melalui latihan serta kegiatan / sumbangan kakitangan kepada aktiviti luar tugas rasmi (komuniti, jabatan, daerah, negeri, negara dan antarabangsa).

Lembaga PDC telah meluluskan bonus dengan peruntukan sejumlah lima (5) bulan. Hanya 25% daripada keseluruhan warga PDC yang dikategorikan di bawah Perkhidmatan Cemerlang menerima bonus enam (6) bulan.

- (b) Berdasarkan kepada pencapaian PDC bagi tahun 2024, keuntungan sebelum cukai dan zakat adalah sejumlah RM527.1 juta berbanding dengan tahun 2023, iaitu sejumlah RM276.6 juta dengan peningkatan sebanyak RM250.4 juta (91%). Sumber utama hasil PDC adalah daripada aktiviti jualan tanah (54%) dan untung atas jualan pelaburan (22%). Manakala hasil lain adalah daripada aktiviti sewaan, hasil dividen, jualan hartanah, pajakan tanah dan hasil pelbagai (24%).

PDC sebagai agensi pembangunan negeri mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang semula lebihan tunai daripada aktiviti-aktiviti PDC kepada Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek berdaya maju yang memberi manfaat kepada penduduk negeri.

Selain sumbangan dalam bentuk tunai, hasil ini juga dipulangkan kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang melalui projek-projek pembangunan PDC seperti berikut:

1. Pembukaan taman perindustrian baru di BCTP dan BKIP3;

2. Pembangunan projek GBS By The Sea, Bayan Lepas; yang menempatkan tiga (3) buah syarikat MNCs dijangka menawarkan lebih kurang 1,700 peluang pekerjaan baru;
3. GBS TechSpace di Bayan Lepas sebagai pusat penyelidikan dan inkubasi teknologi telah berjaya menarik pelabur industri yang mewujudkan Penang Silicon Design @5km+ yang bakal melahirkan jurutera berkualiti tinggi dalam usaha memperkukuh kedudukan Malaysia di peta semikonduktor global;
4. Perjanjian Pembangunan Bersama (JDA) bernilai lebih RM13.0 bilion di antara PDC, PDC Properties Sdn Bhd dan Skyworld Development Berhad yang akan menyediakan hampir 38,000-unit rumah Bakat Baru Madani yang merupakan projek terbesar di Malaysia; dan
5. Projek-projek usahasama dan MOU dengan pelabur utama seperti Fajarbaru Builder Goup Bhd (Medicity), JetBlue Sdn Bhd (1926 Heritage Hotel Penang), TNB Power Generation Berhad (Sumber Tenaga Hijau), MAHB (Penang International Logistic Aeropark – PILA)

Selain itu, projek-projek pembangunan yang memangkin pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang, PDC turut memfokuskan pelaksanaan projek-projek pembangunan berkepentingan rakyat seperti berikut:

1. Dataran usahawan di Bandar Cassia;
2. Kilang IKS di Utara Penang Science Park;
3. Public realm di Batu Maung

Projek-projek pembangunan PDC ini menggambarkan usaha gigih PDC dalam pembangunan sosioekonomi Pulau Pinang.

Sumbangan tunai PDC kepada Kerajaan Negeri adalah seperti di Jadual di **LAMPIRAN A**.

SUMBANGAN TUNAI PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC) KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

| Bil | SUMBANGAN PDC | TAHUN | | | | |
|-----|--|-------------|-------------|--------------|-------------|--------------|
| | | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
| | | RM JUTA | | | | |
| 1. | Sumbangan tunai kepada Kerajaan Negeri | 1.00 | | 20.00 | | 10.40 |
| 2. | Sumbangan untuk pelaksanaan kerja-kerja pengecatan semula dan pembaikan kritikal projek perumahan bertingkat yang dibangunkan oleh PDC | | 1.00 | 0.70 | 0.50 | 0.30 |
| 3. | Sumbangan kepada Penang Football Club (Penang FC Sdn. Bhd.) bagi perbelanjaan mengurus Penang FC (Jalinan kolaborasi bersama Penang Football Club (Penang FC)) | | 0.30 | 0.30 | 0.30 | 0.05 |
| 4. | Lain-lain program CSR | 0.02 | 0.03 | 0.09 | 0.35 | 0.13 |
| 5. | Sumbangan Zakat | | | | 0.50 | 1.00 |
| | JUMLAH | 1.02 | 1.33 | 21.09 | 1.65 | 11.88 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

24. Projek pelebaran Jalan Kulim.

- (a) Apakah status terkini tentang pelaksanaan cadangan projek ini?
- (b) Nyatakan anggaran kos pembinaan dan kos pengambilan balik tanah bagi tujuan pelebaran jalan.
- (c) Apakah usaha yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani kesesakan lalu lintas yang semakin serius akibat pembangunan pesat di sepanjang Jalan Kulim?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Fasa reka bentuk bagi projek pelebaran Jalan Kulim telah siap dilaksanakan dan kini menunggu kelulusan peruntukan untuk pengambilan balik tanah dan pelebaran jalan tersebut.
- (b) Anggaran kos pengambilan balik tanah bagi projek tersebut adalah sebanyak RM100 juta manakala anggaran kos bagi pelaksanaan projek pelebaran jalan tersebut adalah sebanyak RM65 juta.
- (c) Dalam usaha menangani kesesakan lalu lintas yang semakin serius akibat pembangunan pesat di sepanjang Jalan Kulim, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan projek-projek penguraian lalu lintas di kawasan tersebut seperti berikut:

- (i) Cadangan pelebaran Jalan Kulim sehingga sempadan Negeri Kedah daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 1);
- (ii) Cadangan pelebaran Jalan Kulim sehingga sempadan Negeri Kedah daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 2);
- (iii) Cadangan pelebaran Jalan Kulim sehingga sempadan Negeri Kedah daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 3); dan
- (iv) Cadangan pelebaran dan penaiktarafan persimpangan Jalan Maju/Jalan Berjaya ke Jalan Kulim.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

25. Jajaran jalan baharu dalam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030.
- (a) Terangkan proses pelaksanaan jajaran baharu yang menyambungkan Jalan Machang Bubuk 1 dengan Taman Sanctuari dan Jalan Seladang dapat dilaksanakan.
 - (b) Sekiranya tanah-tanah milik swasta tersebut tidak membangun, apakah alternatif yang boleh diambil oleh kerajaan untuk melaksanakan projek tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Kajian Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP2030) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mencadangkan pelaksanaan jajaran baharu yang menyambungkan Jalan Machang Bubuk 1 dengan Taman Sanctuari dan Jalan Seladang. Pelaksanaan jajaran jalan baharu ini dibuat melalui kaedah dengan meletakkan syarat kepada setiap pemaju yang berminat untuk membangunkan kawasan atau lot-lot yang terlibat termasuk membina jajaran baharu tersebut. Jajaran baharu ini akan diserahkan kepada kerajaan setelah siap dibina untuk tujuan kegunaan awam.
- (b) Sekiranya tanah-tanah milik swasta yang terlibat dengan jajaran jalan tersebut tidak dibangunkan, alternatif yang boleh diambil oleh kerajaan untuk melaksanakan projek tersebut adalah dengan melaksanakan proses pengambilalihan tanah dan membina jalan melalui jabatan/agensi teknikal

berkaitan mengikut kemampuan dan keperluan jalan pada masa hadapan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

26. Persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang.
- (a) Sejauh manakah TIA dikaji semula oleh jabatan teknikal JKR, MBSP sebelum kelulusan projek diberikan?
 - (b) Senaraikan semua cadangan mitigasi dalam TIA mengikut mana yang telah mula dilaksanakan.
 - (c) Terangkan kepentingan audit bebas untuk semak silang semua laporan TIA.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang.
- (a) Laporan Penilaian Impak Lalu Lintas (TIA) yang dikemukakan akan dinilai dari segi kesesuaian infrastruktur jalan sedia ada, unjuran trafik semasa dan masa hadapan serta keperluan cadangan mitigasi. Setiap laporan TIA yang diterima telah dinilai dari sudut kapasiti jalan, tahap perkhidmatan (*level of service*, LOS), reka bentuk persimpangan dan keperluan penambahbaikan serta kesesuaian cadangan pembangunan dengan unjuran trafik.

Laporan tersebut perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Penilaian TIA yang dihadiri oleh jabatan teknikal dan agensi berkaitan, pihak pemaju serta perunding. Setelah pertimbangan di peringkat mesyuarat, kelulusan bersama syarat teknikal dikeluarkan oleh Jabatan Kejuruteraan sebelum

kelulusan kebenaran merancang bagi pembangunan diberikan.

- (b) Cadangan mitigasi yang telah dikemukakan dalam laporan TIA persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang adalah seperti berikut:
 - (i) Naik taraf persimpangan Jalan Rozhan/Jalan Alma/Jalan Seladang hingga garisan *right of way* (r.o.w) jalan;
 - (ii) Pelebaran Jalan Rozhan hingga garisan *right of way* (r.o.w) jalan;
 - (iii) Pelebaran Jalan Alma hingga garisan *right of way* (r.o.w) jalan;
 - (iv) Pelebaran Jalan Seladang hingga garisan *right of way* (r.o.w) jalan; dan
 - (v) Cadangan jalan sehalu di Jalan Rozhan, Jalan Seladang, Lorong Alma Jaya 37 dan Lorong Industri Alma 2.

Pihak pemaju telah mendapat kelulusan kebenaran merancang (KM) pada 23 November 2022 dan pelaksanaan cadangan mitigasi perlu disiapkan sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) diberikan.

- (c) Pelaksanaan audit bebas terhadap laporan TIA perlu dilihat dengan teliti kerana ia boleh melibatkan tambahan masa, kos serta berisiko menyebabkan kelewatan dalam proses mengemukakan kebenaran merancang (KM) yang seterusnya berpotensi menjejaskan keyakinan pelabur di Pulau Pinang.

Setiap laporan TIA telah dibentangkan dan dinilai secara kolektif dalam Mesyuarat Penilaian TIA yang melibatkan jabatan teknikal dan agensi berkaitan, pihak pemaju serta perunding. Keputusan kelulusan laporan TIA adalah berdasarkan pertimbangan bersama dalam mesyuarat tersebut, sekali gus memastikan semakan silang telah dilaksanakan secara menyeluruh di peringkat dalaman.

Pada masa ini, penyediaan laporan TIA adalah berpandukan kepada Garis Panduan Penilaian Impak Lalu Lintas oleh Road Engineering Association of Malaysia (REAM) [REAM-GL

10/2011] dan Arahan Teknik Jalan (ATJ) Jabatan Kerja Raya (JKR) [ATJ 38/2018] di mana semua perunding trafik diwajibkan mematuhi ketetapan tersebut. Selain itu, laporan TIA perlu disediakan dan disahkan oleh Jurutera Profesional Bertauliah (PEPC) yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Melalui kawal selia dan semakan sedia ada, laporan TIA dapat dipastikan lengkap, tepat dan memenuhi keperluan teknikal yang ditetapkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(I)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

27. Daya tahan bangunan tinggi terhadap gempa bumi.

- (a) Senaraikan semua agensi teknikal dan pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengikut peranan masing-masing.
- (b) Senaraikan bilangan bangunan tinggi yang telah menjalani audit struktur secara sistematik dalam tempoh lima tahun ini mengikut daerah dan lokasi.
- (c) Sejauh manakah kesiapsiagaan Pulau Pinang tahan risiko bencana?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Senarai agensi teknikal dan pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengikut peranan masing-masing adalah seperti berikut:

- (i) Jabatan Kerja Raya (JKR)
 - 1) Menyediakan dan menyemak rekabentuk struktur bangunan kerajaan termasuk pertimbangan elemen seismik.
 - 2) Memastikan rekabentuk mematuhi piawaian seperti Eurocode 8 (MS EN 1998).
- (ii) Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)

- 1) Menjalankan kajian geologi dan geoteknikal termasuk mengenalpasti zon aktif seismik dan struktur tanah.
 - 2) Menyediakan maklumat berkaitan risiko tanah runtuh, ketidakstabilan cerun, dan jenis tanah yang mempengaruhi rekabentuk asas bangunan.
 - 3) Terlibat dalam kajian impak gempa bumi terhadap tanah dan struktur bawah permukaan.
- (iii) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
- 1) Menyediakan data geospasial yang tepat bagi tujuan perancangan lokasi dan penilaian risiko.
 - 2) Menyediakan peta topografi, peta seismik dan data altitud yang penting untuk penentuan kesesuaian tapak.
 - 3) Menyumbang dalam penyelarasan sistem koordinat dan peta kawasan risiko bencana.
- (iv) Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia)
- 1) Menyediakan amaran dan pemantauan gegaran seismik.
 - 2) Menyumbang kepada pembangunan pangkalan data gempa bumi nasional.
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 1) Meluluskan pelan bangunan dan menyelia kerja pembinaan agar mematuhi keperluan struktur tahan gempa.
 - 2) Bertindak sebagai penyelarasan pembangunan tempatan berdasarkan nasihat teknikal agensi berkaitan.
- (vi) PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
- 1) Menyediakan perancangan fizikal yang mengambil kira zon risiko bencana.

- 2) Menetapkan dasar penggunaan tanah berdasarkan zon keselamatan.
- (vii) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
 - 1) Meluluskan pelan keselamatan dan evakuasi untuk bangunan tinggi.
 - 2) Responder utama semasa insiden bencana.
- (viii) CIDB & CREAM
 - 1) Memastikan standard bahan binaan dan kaedah pembinaan dipatuhi.
 - 2) Menggalakkan inovasi teknologi pembinaan tahan gempa.
- (ix) Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) & Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
 - 1) Mengawal selia amalan profesional jurutera dan arkitek dalam memastikan bangunan direka mengikut kod dan standard terkini.
- (b) Senarai bilangan bangunan tinggi yang telah menjalani audit struktur secara sistematik dalam tempoh lima tahun ini mengikut daerah dan lokasi dalam kawasan MBPP adalah seperti **LAMPIRAN A**. Manakala MBSP tidak menjalankan dan tiada maklumat berhubung bilangan bangunan tinggi yang berhubung tinggi yang telah menjalani audit struktur secara sistematik dalam tempoh lima tahun ini.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Unit Pengurusan Bencana telah mengambil beberapa inisiatif sebagai tahap kebersediaan dalam menghadapi bencana. Antaranya termasuk:
 - (i) Penganjuran bengkel dan latihan dengan agensi berkaitan seperti Bengkel Pengurusan Pengoperasian Bencana Negeri Pulau Pinang, Latihan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) Negeri Pulau Pinang, Tabletop Exercise (TTX) Pengurusan Bencana Industri, Latihan Simulasi Bencana Industri Negeri Pulau Pinang dan Latihan Simulasi Bencana

Keruntuhan Bangunan, Binaan & Struktur Khas Negeri Pulau Pinang.

- (ii) Mengemaskini maklumat Senarai Penerima SMS Amaran Cuaca Pulau Pinang kepada Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Pulau Pinang bagi tujuan memberi makluman awal berkenaan ramalan cuaca yang menunjukkan kemungkinan berlakunya banjir serta keadaan cuaca semasa, dan menyelaraskan maklumat berkenaan sumber yang diperlukan dalam menghadapi kemungkinan banjir, termasuk pasukan penyelamat dan peralatan yang relevan.
- (iii) Penyediaan merangka Pelan Strategik Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang Tahun 2024-2030 dengan kerjasama pihak Universiti Sains Malaysia (USM) dan Penang Green Council (PGC).
- (iv) Mengambil inisiatif bagi mengeluarkan infografik bencana bermula dari tahun 2023. Sebanyak sepuluh (10) infografik telah dikeluarkan setakat ini.
- (v) Mengemaskini Jadual Bertugas Harian bagi petugas Bilik Gerakan Negeri (BGN) setiap tiga (3) bulan, merangkumi tiga (3) syif iaitu pagi, petang, dan malam. Setiap shif akan dianggotai oleh empat (4) anggota/pegawai, di mana seorang Ketua Petugas Harian BGN akan dilantik bagi mengemukakan Laporan BGN pada akhir setiap syif melalui emel kepada Unit Pengurusan Bencana.
- (vi) Mewujudkan Rakan UPB bagi tujuan meningkatkan kerjasama antara pihak Kerajaan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam aspek pengurusan bencana meliputi aspek sebelum, semasa dan selepas bencana. Setakat hari ini sebanyak 19 NGO telah berdaftar di bawah platform Rakan UPB.
- (vii) Pelaksanaan Smart Sensor Network and Information System 2025. Projek ini adalah hasil kerjasama strategik antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM), National Science and Technology Center for Disaster Reduction (NCDR) di Taiwan, dan Disaster Prevention Education Center (DPEC), National Cheng Kung University (NCKU), Taiwan. Projek ini bertujuan untuk menilai keberkesanan

pengurusan risiko bencana melalui penggunaan teknologi terkini iaitu Rangkaian Sensor Pintar dan Sistem Maklumat. Salah satu komponen utama projek ini adalah pemasangan *Automatic Rain Gauge* (ARG), iaitu peranti pemantauan jumlah hujan secara masa nyata (*real-time*) yang mampu memberikan amaran awal risiko banjir dan tanah runtuh. Malaysia merupakan negara kesembilan yang melaksanakan inisiatif ini, dengan Pulau Pinang sebagai lokasi perintis di peringkat nasional. Pelaksanaan projek sedang berjalan lancar dan dijadualkan siap sepenuhnya pada bulan Mei 2025. Pemasangan Rangkaian Sensor Pintar akan tertumpu di sekitar Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Lima lokasi strategik yang telah dipilih termasuk Rumah Pam Kampung Naran, Rumah Pam Ibu Bekalan Sungai Burung, Rumah Pam Kuala Jalan Bharu B, Pejabat APM Daerah Timur Laut, dan Kolam Takungan Banjir S10. Projek ini diharapkan dapat memperkukuh daya tahan komuniti setempat dalam menghadapi bencana alam dengan sistem pemantauan dan maklumat yang lebih pantas dan tepat.

- (viii) Pemasangan Sistem Amaran Awal Tsunami Malaysia (SAATNM) Bagi Setiap Daerah Di Pulau Pinang. Sebanyak 12 lokasi di seluruh Pulau Pinang telah dipilih sebagai tapak pemasangan Sistem Amaran Awal Tsunami Malaysia (SAATNM) bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan dan keselamatan penduduk terhadap ancaman tsunami. Pemasangan sistem ini dilakukan di kawasan strategik seperti jeti, kawasan rekreasi, dan kawasan berpenduduk bagi memastikan liputan amaran yang lebih berkesan dan menyeluruh. Langkah ini diambil sebagai usaha proaktif dalam mengurangkan risiko bencana dan melindungi keselamatan komuniti setempat. Lokasi pemasangan adalah seperti berikut:

| Bil | Nama Lokasi / Tapak | Daerah | Jenis Lokasi |
|------------|---|---------------|-------------------------|
| 1 | Tapak Parkir LKIM Teluk Bahang, Tanjung Bungah | Barat Daya | Jeti / Kawasan Rekreasi |
| 2 | Akademi Kenegaraan Malaysia Pulau Pinang, Balik Pulau | Barat Daya | Kawasan berpenduduk |

| | | | |
|----|--|-----------------------|------------------------------|
| 3 | Jeti Nelayan Kuala Sungai Burong | Barat Daya | Jeti |
| 4 | Kuala Sungai Pinang | Barat Daya | Jeti / Kawasan berpenduduk |
| 5 | Masjid Jamek Ar-Rahman Batu Ferringhi | Timur Laut | Kawasan Berpenduduk/Rekreasi |
| 6 | Pantai Miami Batu Ferringhi | Timur Laut | Kawasan Rekreasi |
| 7 | Masjid Daerah Timur Laut, Tanjung Bungah | Timur Laut | Kawasan berpenduduk |
| 8 | Kawasan Parkir Dewan Sri Pinang | Timur Laut | Kawasan berpenduduk |
| 9 | Persiaran Gurney | Timur Laut | Kawasan berpenduduk |
| 10 | Kawasan Balai Polis Tanjung Tokong | Timur Laut | Kawasan berpenduduk |
| 11 | Siren Kuala Muda | Seberang Perai Utara | Kawasan berpenduduk |
| 12 | Siren Bagan Belat | Seberang Perai Tengah | Kawasan berpenduduk |

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk mengkaji dan membincang dalam mesyuarat SPEAD agar satu garis panduan dan hala tuju yang baru dapat diwujudkan bagi memastikan struktur bangunan di Negeri Pulau Pinang mampu mempertahankan ancaman bencana gempa bumi terutamanya bangunan tinggi.

Susulan daripada itu, MBPP pada 6 Mei 2025 telah memaklumkan dan menegaskan kepada semua ahli mesyuarat SPEAD tentang kepentingan pengesahan oleh jurutera profesional bertauliah dalam setiap reka bentuk dan pembinaan struktur bangunan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan. Bagi mana-mana bangunan yang dibina adalah perlu mematuhi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (Pindaan Disember 2016) yang mensyaratkan bahawa semua reka bentuk struktur bangunan rintangan gempa bumi hendaklah mematuhi standard reka bentuk

semasa, termasuk MS EN 1988 – *Design of Structures for Earthquake Resistance*, bagi memastikan keselamatan, kestabilan dan pematuhan kepada keperluan teknikal yang ditetapkan oleh undang-undang.

Bagi MBSP pula, pihak MBSP juga mengambil maklum berkenaan kebimbangan terhadap gegaran yang berpunca daripada kejadian gempa bumi yang berlaku pada bulan Mac yang lalu. Isu ini akan dibawa untuk perbincangan lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (SPEAD) yang dijadualkan pada bulan Jun bagi mendapatkan pandangan serta syor daripada pihak-pihak berkepentingan termasuk pakar teknikal. Untuk makluman, semua bangunan bertingkat di Seberang Perai pada masa ini direkabentuk berdasarkan piawaian kejuruteraan semasa seperti *Eurocode* (contohnya MS EN 1991-1-4: *Actions on structures – Wind actions*) dan Garis Panduan Amalan Jurutera Profesional Malaysia (IEM Practice Notes). Piawaian ini mensyaratkan agar beban angin diambil kira dalam reka bentuk struktur bagi memastikan kestabilan dan keselamatan bangunan. Secara umumnya, struktur yang direkabentuk untuk menahan beban angin ini adalah cukup teguh dan berdaya tahan untuk menghadapi gegaran kecil atau sederhana, khususnya yang berpunca dari aktiviti seismik luar negara seperti di Bangkok dan Medan. Walau bagaimanapun, reka bentuk seismik (*earthquake design*) khusus hanya diwajibkan di kawasan yang dikenal pasti sebagai zon aktif gempa bumi oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

| BIL | NO. PELAN BANGUNAN | NO. SIJIL PENGHUNIAN | TARIKH SIJIL PENGHUNIAN | DAERAH | TAJUK PELAN BANGUNAN | ALAMAT_BADAN_PENGURUSAN | TARIKH_NOTIS | CATITAN |
|-----|--------------------------|----------------------|-------------------------|--------|--|--|--------------|---|
| 1 | MPPP/OSC/PB(1422)/09 | JB/SKM/10/0030 | 18/3/2010 | D.T.L. | Kerja-kerja telah dijalankan untuk pindaan dan tambahan kepada bangunan hotel 5 tingkat sedia ada dan 1 blok bangunan hotel 5 tingkat (49 bilik) dan cadangan tambahan lantai kafeteria baru di tingkat 1 bangunan 2 tingkat pejabat/kafeteria/restoran di bandar batu ferringhi, pulau pinang | Hard Rock Hotel Penang Batu Ferringhi Beach 11100, Pulau Pinang | 21/7/2020 | Laporan dari Perunding MWR Sdn. Bhd diterima bertarikh 18/8/2020 telah dikemukakan. |
| 2 | MPPP/OSC/PB(592)/08(LB) | JB/SKM/10/0035 | 29/3/2010 | D.T.L. | kerja-kerja telah dijalankan bagi pindaan dan tambahan kepada pelan bangunan bp 33323(lb), bp 39068(lb), bp 41903(lb) & bp 44145(lb) yang telah diluluskan untuk mendirikan pangsapuri mewah yang terdiri daripada 2 menara (20 tingkat - 65 unit & 23 tingkat - 79 unit) beserta 3 tingkat podium tempat letak kenderaan & kemudahan rekreasi dengan 1 blok 4 tingkat tempat letak kenderaan di jalan bukit jambul, | Level 2, Management Office, Jalan Bukit Jambul, Hill Chest Residence, 11900 Bayan Lepas | 21/7/2020 | Laporan dari CS Woon Consultant diterima bertarikh 26/11/2020 telah dikemukakan |
| 3 | MPPP/OSC/PB(1834)/09(LB) | JB/SKM/10/0067 | 16/8/2010 | D.T.L. | cadangan pindaan dan tambahan kepada pelan bangunan mppp/osc/pb(694)/08(lb) & 40687(lb) : (1) pindaan ke atas menara kondominium mewah (20 unit), (2) pindaan ke atas podium yang mengandungi tempat letak kereta dan kemudahan masyarakat di jalan batu ferringgi, bandar batu ferringgi, pulau pinang (villa moonlight bay) | Perbadanan Pengurusan Moon Light Bay Management, No 2-01-01, Level 2, Jalan Moon Light Bay, Batu Ferringhi 10250 Pulau Pinang | 21/7/2020 | Laporan dari JT Engineering Consultancy diterima pada 9/10/2020 |
| 4 | MPPP/OSC/PB(2072)/09 | JB/SKM/10/0049 | 30/6/2010 | D.T.L. | pelan as-built kepada 1 blok 113 unit kondominium 21 tingkat bersambung dengan tempat letak kenderaan 4 tingkat di island glades bandar georgetown, pulau pinang | Perbadanan Pengurusan Delima Palace, No 2, Changkat Delima 2, 11700 Gelugor, Pulau Pinang | 21/7/2020 | Laporan dari jurutera IR Junior Foo See Eng diterima pada 14/09/2020 |
| 5 | MPPP/OSC/PB(350)/07(LB) | JB/SKM/10/0038 | 31/3/2010 | D.T.L. | cadangan pindaan dan tambahan kepada pelan bangunan no. 44018(lb): parcel a : tambahan 1 paras 'split' tik (134 bays) ke atas 1 blok 3 paras 'split' tik dengan ruang rekreasi di bumbung dan 1 plot tapak ibadat lain-lain agama, parcel c : tambahan 1 paras 'split' tik (65 bays) ke atas 1 blok 4 paras 'split' tik dengan ruang rekreasi di bumbung, 2 blok 18 tingkat rumahpangsa lmc (701 unit - 630 kp) dengan kemudahan | Perbadanan Pengurusan Sri Aman Block 1 & 3, Sri Aman, Persiaran Paya Terubong 3, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang | 21/7/2020 | Telah rujuk kepada Jabatan Kejuruteraan pada 10.09.2020 Untuk tindakan lanjut. |

| BIL | NO. PELAN BANGUNAN | NO. SIJIL PENGHUNIAN | TARIKH SIJIL PENGHUNIAN | DAERAH | TAJUK PELAN BANGUNAN | ALAMAT_BADAN_PENGURUSAN | TARIKH_NOTIS | CATITAN |
|-----|--------------------------|----------------------|-------------------------|--------|--|--|--------------|--|
| 6 | MPPP/OSC/PB(1508)/09 | JB/SKM/10/0011 | 15/1/2010 | D.T.L. | CADANGAN PINDAAN KEPADA FASAD 9 TINGKAT YANG MENGANDUNGI 1 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA, 2 TINGKAT PEJABAT DAN 6 TINGKAT KEDIAMAN DI LORONG KINTA, PULAU PINANG | No 51, Lorong Kinta, 10400 George Town, Pulau Pinang | 4/8/2020 | Laporan dari jurutera Perunding Jurutera T&T Sendirian Berhad diterima bertarikh 26/8/2020 telah dikemukakan. |
| 7 | MPPP/OSC/PB(1994)/09(LB) | JB/SKM/10/0048 | 27/5/2010 | D.T.L. | KERJA-KERJA YANG TELAH DIJALANKAN UNTUK CADANGAN PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA PELAN BANGUNAN NO. 43745(LB) YANG TELAH DILULUSKAN PADA 05.10.06 UNTUK : 1 BLOK KONDOMINIUM 19 TINGKAT (114 UNIT : 1282 KP) DENGAN 4 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA, KEMUDAHAN MASYARAKAT SERTA 1 TINGKAT BASEMEN TEMPAT LETAK KERETA | Perbadanan Pengurusan Vista Gambier Condominium 88-p2-01, Changkat Bukit Gambier 2, 11700 Gelugor, Penang | 4/8/2020 | Laporan dari jurutera Perunding Jurutera Ir Chua Beng Seong diterima bertarikh 16/10/2020 telah dikemukakan. |
| 8 | MPPP/OSC/PB(1540)/09(LB) | JB/SKM/10/0007 | 11/1/2010 | D.B.D. | AS BUILT KEPADA PINDAAN UNTUK 2 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA 12 TINGKAT (340 UNIT) DI JALAN SULTAN AZLAN SHAH, PULAU PINANG | Badan Pengurusan Bersama Apartment Saujana Damai 2A-G-01 Pangsapuri Saujana Damai, Jalan Sungai Tiram 3, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang | 4/8/2020 | Surat rayuan daripada badan pengurusan diterima pada 21/08/2020 |
| 9 | MPPP/OSC/PB(1067)/08(LB) | JB/SKM/10/0018 | 1/2/2010 | D.T.L. | 1 BLOK RUMAH PANGSA KOS MEWAH 16 TINGKAT YANG MEMPUNYAI : 4 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA, 1 TINGKAT KEMUDAHAN KOMUNITI, 15 TINGKAT RUMAH PANGSA KOS MEWAH TERMASUK : 26 UNIT JENIS A (1946 KP/UNIT), 10 UNIT JENIS B (1886 KP/UNIT), 18 UNIT JENIS C (2102 KP/UNIT), 2 UNIT JENIS D (3970 KP/UNIT), 2 UNIT JENIS E (4297 KP/UNIT) DI | Perbadanan Pengurusan The Uban No 57, Tingkat Pantai Jerejak, 11700 Gelugor, Pulau Pinang | 4/8/2020 | Laporan dari jurutera Perunding Lumbini Consultancy diterima bertarikh 07/09/2020 telah dikemukakan. |
| 10 | MPPP/OSC/PB(48)/07(LB) | JB/SKM/10/0025 | 10/2/2010 | D.T.L. | 1 BLOK PANGSAPURI 20 TINGKAT (68 UNIT) DENGAN 2 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA PARAS BAWAH TANAH DI JALAN TANJUNG BUNGAH, BANDAR TANJUNG BUNGA, PULAU PINANG | Perbadanan Pengurusan The Waterfront Block 9, Persiaran Tanjung Bunga | 7/8/2020 | Laporan dari jurutera Perunding Pakatan Cergas Civil & Structural Consulting Engineers diterima bertarikh 15/09/2020 telah dikemukakan |

| BIL | NO. PELAN BANGUNAN | NO. SIJIL PENGHUNIAN | TARIKH SIJIL PENGHUNIAN | DAERAH | TAJUK PELAN BANGUNAN | ALAMAT_BADAN_PENGURUSAN | TARIKH_NOTIS | CATITAN |
|-----|--------------------|----------------------|-------------------------|--------|--|--|--------------|---|
| 11 | 27912 31305 35903 | A5709 | 4/5/1999 | D.T.L. | 2 BLOK 16 TINGKAT RUMAH PANGSA BERALAMAT NO.20 DAN NO.18 TINGKAT PAYA TERUBONG 2,PULAU PINANG | Perbadanan Pengurusan Bersama TTJ Apartment Blok 18 Dan Blok 20, Blok 18, Ground Floor, Pejabat Pengurusan, Tingkat Paya Terubong 2, 11060 Paya Terubong, Pulau Pinang | 26/11/2020 | Rayuan daripada pihak pengurusan bertarikh 30 Disember 2020 |
